

Bil. 57

**Isnin
4 November 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 3)
RANG UNDANG-UNDANG:	
- Rang Undang-Undang Perbekalan 1997	(Ruangan 3)
USUL:	
- Anggaran Pembangunan 1997	(Ruangan 13)

Oktober, 1996.

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

- Yang Berhormat Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

- Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor

Pembaca Pruf : Abu Bakar Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 4 November 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail.

[Soalan No. 1 – Y.B. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail (Bagan Serai) tidak hadir]

**BSKL – BILANGAN PERMOHONAN
SYARIKAT TEMPATAN DITOLAK**

2. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut] minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan syarikat tempatan yang permohonannya untuk menyenaraikan saham di BSKL telah ditolak; dan
- (b) kalau ada nyatakan punca penolakannya dan adakah syarikat bumiputera juga terbabit di dalam kes ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pertanyaan mengenai perkara yang sama turut dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Rompin pada 18 November 1996 dan Machang pada 2 Disember 1996, saya mohon menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak penubuhan Suruhanjaya Sekuriti pada 1 Mac 1993, sebanyak 358 permohonan penyenaian telah dipertimbangkan dengan 79 permohonan ditolak termasuk 2 permohonan daripada syarikat bumiputera. Secara amnya, penolakan sesuatu permohonan adalah disebabkan tidak mematuhi kehendak-

kehendak garis panduan untuk penyenaian, di antaranya seperti trend keuntungan dan masa hadapan yang tidak begitu positif, margin keuntungan yang tipis, persaingan yang tinggi dan saiz pasaran yang kecil, barangan berteknologi rendah dan terlalu bergantung kepada tenaga pekerja dan pasaran barangan yang terhad termasuk juga pengurusan yang tidak meyakinkan.

Setakat 30 September 1996, sebanyak 128 syarikat milik bumiputera telah disenaraikan di Papan Utama manakala 48 syarikat lagi di Papan Kedua.

- (b) Kerajaan sentiasa berusaha memberi kemudahan kepada usahawan-usahawan bumiputera menembusi pasaran modal dan meningkatkan penyenaian syarikat bumiputera, termasuklah pengumuman Suruhanjaya Sekuriti pada 27 Ogos 1996 yang memberi kelonggaran ke atas permohonan penyenaian berasaskan penggunaan akaun proforma bagi penggabungan syarikat-syarikat yang dikuasai oleh pemegang-pemegang saham bumiputera untuk tujuan penyenaian di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati kadang-kadang apabila syarikat itu memohon untuk disenaraikan sama ada di Papan Utama atau papan Kedua, ekuiti pegangan bumiputera ternyata ada tetapi setelah disenaraikan ekuiti itu telah hilang ataupun telah dijual. Bagi, bagaimanakah kementerian bercadang untuk memastikan bahawa ekuiti pegangan bumiputera di dalam syarikat-syarikat yang telah disenaraikan ini kekal supaya dasar kerajaan tidak akan hilang begitu sahaja. Mungkin ini juga dinyatakan oleh timbalan menteri di dalam surat khabar The New Straits Times hari ini ternyata bahawa ada pemegang-pemegang saham bumiputera telah menjual saham-saham bumiputera telah menjual saham-saham tersebut. Jadi, adakah kementerian mempunyai rancangan jangka panjang untuk memastikan pegangan ekuiti bumiputera ini kekal?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, ini bergantung sangat kepada kesedaran pihak bumiputera supaya tidak menjual saham ekuiti masing-masing. Dari pihak kerajaan, memanglah kerajaan yang menggunakan syarikat-syarikat yang

tertentu untuk melibatkan diri dalam syarikat-syarikat bumiputera itu.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada ura-ura bahawa kerajaan ingin buh Papan Bursa Ketiga iaitu berasaskan kepada teknologi tinggi. Apakah kedudukan perkara ini sekarang dan apakah dibolehkan syarikat luar negara menyertai penyenaaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, ini memang menjadi satu dasar kerajaan untuk buh satu pasaran OTC dan garis panduan untuk tujuan ini masih dalam pertimbangan dan masih disediakan. Maklumat lanjut akan diumumkan tidak berapa lama lagi.

SEKTOR ELEKTRONIK – KESAN EKONOMI AKIBAT KEMELESETAN

3. Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]: minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan mengenai laporan-laporan tentang kemelesetan kadar pertumbuhan di dalam sektor elektronik. Laporan-laporan menyatakan kemelesetan kadar pertumbuhan disebabkan ramalan terlalu tinggi bagi permintaan dan terlalu banyak inventori produk-produk semiconductors. Oleh itu, kadar keluaran industri barang-barang eksport diturun dari 10.5% pada suku pertama 1996 kepada 9.6% pada suku kedua:

- (a) apakah kesan terhadap ekonomi Malaysia dan apakah industri-industri spesifik yang akan mengalami kesan buruk; dan
- (b) apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Rafidah Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Song Swee Guan [Bandar Kuching] pada 13 November 1996, Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran] pada 3 Disember 1996 dan Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] pada 10 Disember 1996 oleh kerana mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, industri elektrik dan elektronik merupakan industri yang terbesar di negara ini dari segi pelaburan,

kegunaan sumber manusia dan juga bilangan kilang yang beroperasi. Lebih 65% daripada pendapatan eksport negara juga adalah dari sektor elektronik dan elektrik.

Produk-produk semikonduktor telah mengalami kemerosotan dalam permintaan dunia sejak suku tahun pertama tahun 1996 dan akibat daripada perkembangan ini beberapa kilang yang beroperasi di Malaysia telah terpaksa mengambil langkah-langkah untuk merasionalisasikan operasi mereka, dan oleh kerana beberapa syarikat telah memberhentikan operasi mereka, peperka-pekerja syarikat berkenaan terpaksa mencari kerja baru. Sehingga 30 September 1996, jumlah pekerja-pekerja yang terlibat adalah sebanyak 4,874 orang atau 1.2% daripada jumlah pekerja kilang elektronik.

Kegiatan merasionalisasikan, atau dengan izin "rationalisation" adalah suatu yang biasa dan sering dilakukan oleh syarikat-syarikat pembuatan. Terdapat beberapa sebab yang memaksa syarikat-syarikat mengambil langkah ini. Antaranya ialah keperluan untuk terus bersaing, tindakbalas kepada kemerosotan permintaan, keperluan untuk meminimumkan kos melalui peningkatan pengeluaran dan juga ketidakupayaan untuk menerajui teknologi yang sentiasa berubah mengikut masa dan kehendak pengguna.

Jumlah industri yang telah memberhentikan operasinya sepanjang tahun 1996 adalah secara relatifnya kecil berbanding dengan jumlah keseluruhan industri pembuatan yang ada di negara ini. Industri-industri yang terbabit merangkumi kesemua sektor industri dan tidak hanya terhad kepada sektor elektrik dan elektronik sahaja. Sehingga 30 September 1996, sebanyak 31 buah kilang atau 3.2 peratus daripada jumlah kilang-kilang elektronik di Malaysia telah memberhentikan operasi mereka. Berkenaan dengan para pekerja yang terlibat dalam penutupan syarikat-syarikat ini, mereka tidak mempunyai masalah untuk mendapat kerja di syarikat-syarikat lain disebabkan oleh permintaan ke atas pekerja-pekerja yang banyak akibat daripada masalah kekurangan pekerja yang semakin meruncing di negara ini.

Walaupun proses rasionalisasi bagi sektor elektrik dan elektronik adalah sebahagian besarnya berpunca daripada perubahan permintaan luaran, melalui rasionalisasi ini, industri elektrik dan elektronik akan mempunyai lebih daya saing di peringkat antarabangsa, dan seterusnya lebih

bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran di masa akan datang. Ianya juga secara tidak langsung telah memaksa syarikat-syarikat supaya meningkatkan teknologi dan menukar hala untuk mengeluarkan produk-produk yang lebih berteknologi tinggi atau dengan izin, "high-end product". Produk-produk keluaran negara yang diiklan juga lebih menguntungkan dan ini telah menyumbang ke arah menjadikan produk-produk keluaran negara kita lebih tinggi nilai pasarnya. Pada masa kini, terdapat banyak syarikat asing yang mengeluarkan produk-produk terbaru mereka di Malaysia.

Jumlah eksport industri elektrik dan elektronik bagi tahun 1994 bernilai RM72.5 bilion manakala bagi tahun 1995 pula bernilai RM92.3 bilion. Untuk tempoh separuh pertama tahun 1996 (Januari-Jun), jumlah eksport industri elektrik dan elektronik berjumlah RM47.4 bilion, berbanding dengan jumlah RM31.4 bilion dan RM39.3 bilion masing-masing bagi tempoh yang sama tahun 1994 dan 1995. Jelas di lihat bahawa dari jumlah-jumlah ini bahawa kemerosotan yang dialami di pasaran elektrik dan elektronik antarabangsa pada keseluruhannya tidak menjejaskan eksport industri elektrik dan elektronik sehingga bulan Jun 1996. Walau bagaimanapun, di dalam sektor-sektor tertentu di bawah industri elektronik, khususnya dalam sektor semikonduktor, kadar pertumbuhan eksport telah mengalami perubahan. Bagi tempoh suku tahun pertama 1996, jumlah eksport sektor semikonduktor telah berkurangan dari RM9.2 bilion kepada RM9.0 bilion pada suku tahun kedua. Keadaan ini tidaklah membimbangkan memandangkan bahawa pasaran elektronik adalah berbentuk "cyclical", dengan izin dan seterusnya industri ini adalah juga di dalam proses rasionalisasi untuk menghadapi cabaran dan perubahan pasaran di masa akan datang. Di samping itu, permintaan bagi produk elektrik dan elektronik dijangka akan memuncak semula dalam suku tahun terakhir tahun ini apabila stok-stok di pasaran-pasaran utama habis dijual.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan mengapakah semakin banyak industri elektrik dan elektronik ditubuhkan di Malaysia, khususnya di Sarawak, walaupun industri ini mengalami kemerosotan, sebenarnya, ini jelas menunjukkan keyakinan para pelabur mengenai permintaan jangka masa panjang barang-barang elektronik. Kebanyakan syarikat sedang mengambil tindakan untuk menambah kapasiti mereka sebagai persediaan untuk menghadapi peningkatan

permintaan yang dijangka akan berlaku sedikit masa lagi. Syarikat-syarikat yang tidak mengambil tindakan untuk mengukuhkan kedudukan mereka untuk menghadapi peningkatan permintaan ini mungkin akan kehilangan pasaran mereka.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan begitu panjang lebar di Parlimen kita ini. Cuma, kalau boleh dapat sedikit penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Daripada jumlah pelaburan yang besar ini berapa banyakkah pelaburan yang dikuasai oleh pelabur luar? Dan dalam industri elektronik di negara kita dan di samping itu berapa banyak pula equity ataupun pelaburan yang dikuasai oleh rakyat Malaysia? Dan adakah kerajaan berpuas hati dengan penguasaan equity oleh rakyat Malaysia, jika tidak berpuas hati apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan bagi mengatasi ataupun mempertingkatkan lagi pelaburan di kalangan rakyat Malaysia?

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya tidak ada angka-angka yang tepat tetapi bolehlah dikatakan sebahagian besar daripada equity dalam syarikat-syarikat elektronik dan elektrik di negara ini adalah dikuasai oleh rakyat asing.

Sungguhpun ada seperti syarikat Sharp misalnya, ada "joint venture" tapi minoriti equity Malaysia. Memanglah kerajaan tidak puas hati keadaan ini kerana tidak banyak syarikat kita dan pelabur-pelabur tempatan menerokai bidang elektronik dan elektrik terutama mengeluarkan komponen dan juga barang-barang perantaraan, atau dengan izin "intermediate capital product" dan juga mengeluarkan barang-barang siap. Dengan itu, kerajaan dalam usaha menggalakkan dalam penubuhan syarikat-syarikat tempatan yang boleh dianggap sebagai "world class", dengan izin, iaitu yang mampu menerokai pasaran antarabangsa.

Dengan menggunakan jenama barangan Malaysia sendiri dan kerajaan mempunyai dasar sekarang supaya syarikat-syarikat tempatan seperti ini adalah dikehendaki diberi sokongan sepenuhnya dalam pelbagai cara. Bukan sahaja dari segi kewangan tetapi juga dalam bimbingan teknologi dari segi promosi pasaran. Dan kita berharap bahawa dengan adalah dalam rancangan industri master plan ataupun plan induk perindustrian kedua, yang kita akan lancarkan sedikit masa lagi akan diberi tumpuan khas kepada pengwujudan syarikat-syarikat besar tempatan yang miliknya rakyat tempatan yang boleh mengeluarkan barang siap elektronik dan elektrik dan kedua komponen barang-barang perantaraan untuk industri.

Tuan Liew Ah Kim: Saya ingin menanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada kemerosotan atau kemunduran perindustrian elektronik dan elektrik ini ada berhubung kiat dengan GSP, taraf GSP yang akan tamat pada akhir tahun ini. Dan sejauh manakah ia akan membawa kesan yang buruk kepada industri yang serupa ini?

Dato' Seri Rafidah Aziz: Sebenarnya tidak ada kaitan langsung dengan GSP, seperti yang telah dijelaskan di Dewan yang mulia ini. Sebenarnya GSP itu tidak ada kesan kepada kita sekarang kerana kadar duty yang diberi di bawah GSP ini kebanyakannya satu hingga tiga peratus sahaja.

Dan Amerika juga akan membasmi semua tarif kepada kebanyakan barang elektrik dan elektronik ini untuk semua negara. Jadi sama ada GSP atau tidak GSP eksport ke Amerika akan tidak ada lagi tarif dalam pengakhir dekad ini.

PENYAKIT BERPUNCA DARIPADA PENDATANG ASING

4. Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah jenis-jenis penyakit yang dipastikan berpunca daripada golongan pendatang asing di negara ini dan apakah langkah dan tindakan-tindakan yang sedang dan akan diambil untuk mencegah supaya masalah ini terkawal.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, penyakit-penyakit berjangkit yang telah dilaporkan di kalangan pendatang asing adalah Malaria, Tibi, Kusta, Filariasis dan HIV. Baru-baru ini satu penyakit baru yang tidak pernah dilaporkan di negara ini telah pun dikesan. Sehingga kini 3 kes Kala Azar telah pun dilaporkan di kalangan pekerja Bangladesh. Kementerian Kesihatan telah pun mengambil beberapa langkah dan tindakan untuk mengurangkan impak kesihatan yang di sebabkan oleh pendatang asing di negara ini.

Bagi memastikan hanya pekerja-pekerja asing yang sihat dan bebas dari penyakit-penyakit berjangkit dibenarkan datang bekerja di Malaysia, Kementerian Kesihatan telah pun melantik beberapa klinik dan hospital di negara asal pekerja. Hanya sijil kesihatan dari klinik dan hospital yang dilantik akan diterima oleh Pesuruhjaya Tinggi atau Kedutaan Malaysia di negara-negara tersebut.

Di Malaysia pula, satu mekanisme pengawasan dan penyeliaan pemeriksaan perubatan pekerja

asing akan dilaksanakan tidak lama lagi. Dengan adanya mekanisme ini, maka segala maklumat mengenai penyakit-penyakit berjangkit di kalangan pekerja asing dapat diperolehi dengan cepat supaya langkah-langkah kawalan dapat diambil.

Di samping itu juga, pemeriksaan secara rawak (random) sedang dijalankan di pintu masuk utama untuk memastikan pekerja-pekerja itu adalah sihat dan bebas dari penyakit-penyakit berjangkit.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan. Apakah satu penyelarasan telah dibuat di antara negara kita dengan negara yang menghantar membekal buruh-buruh asing bagi mengesan dan memastikan penyakit-penyakit yang dibawa oleh mereka tidak tersebar di negara kita kerana terdapat di kalangan pendatang asing yang datang ke sini, setelah diperiksa di negara mereka, masih membawa penyakit berkenaan sehinggakan pekerja berkenaan terpaksa dihantar pulang pada waktu yang sama ke negara asal.

Jadi saya ingin bertanya, apakah satu bentuk persefahaman yang diatitkan di antara negara kita dengan negara pendatang berkenaan supaya pekerja yang datang itu tidak menimbulkan masalah dari segi penyebaran penyakit-penyakit ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, cadangan dari Yang Berhormat berkenaan adalah baik dan Kementerian boleh menimbangkan cadangan itu. [Ketawa]

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, antara penyakit yang telah pun disentuh tadi ialah HIV. Memandangkan penyakit ini biasanya berleluasa di kalangan pendatang asing dengan aktiviti pelacuran, apakah pihak Kementerian mengambil berat perkara ini dan apakah tindakan yang sedang dibuat? Walaupun mereka membuat siasatan sebelum mereka hadir di negara ini, tetapi memandangkan mereka ini orang asing, mereka tidak melakukan mana-mana kajian atau siasatan kesihatan. Memandangkan ia perkara yang penting, adakah pihak Kementerian memandang perkara ini sangat penting dan apakah tindakan yang sedang dibuat untuk mengawal perkara ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Kesihatan untuk menswastakan urusan pengawasan dan penyelidikan pemeriksaan perubatan pekerja asing di Malaysia.

Dua syarikat telah dipilih untuk melaksanakan projek ini. Concession agreement mengenai projek

ini sedang dikaji oleh kementerian yang berkaitan sebelum ianya ditandatangani. Dengan adanya mekanisme ini, maka segala maklumat mengenai pekerja asing yang sah atau legal workers, dengan izin, dapat diperolehi dengan cepat. Maklumat mengenai jenis-jenis penyakit dapat diperolehi melalui sistem komputer berpusat.

Klinik-klinik yang terbabit dalam pemeriksaan ini juga dapat dikenal pasti. Dengan ini, penyelewengan dan pemalsuan dokumen kesihatan akan dapat dikurangkan.

PROJEK PENSWASTAAN PEMBUATAN LORI - PELAKSANAAN

5. **Dr. Tan Yee Kew [Kelang]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada suatu projek penswastaaan dalam pembuatan lori di Malaysia telah diluluskan; dan
- (b) syarikat yang mendapat projek penswastaaan tersebut dan pemilik syarikat itu; dan setakat manakah projek ini telah dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga ini pelaksanaan program penswastaaan tidak melibatkan aktiviti pembuatan lori tempatan.
- (b) Memandangkan tidak ada projek penswastaaan yang melibatkan pembuatan lori tempatan, maka soalan (b) tidak berkaitan.

JALAN DARI KG. JERANGAU KE KG. PANJANG - SEBAB TERBENGKALAI

6. **Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad [Tanah Merah]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan mengapa pembinaan jalan dari Kampung Jerangau ke Kampung Panjang terbengkalai sekian lama. Sila nyatakan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, untuk Ahli Yang Berhormat, projek ini bermula pada awal 1995 dan pembinaannya tergendala kerana kontraktor menghadapi masalah

kewangan dan teknikal. Oleh yang demikian, kontrak asal telah dimansuhkan pada 25hb. Julai tahun ini. Tawaran semula untuk menyiapkan projek ini telah dibuat.

Untuk makluman, tarikh tutup denda ialah 25hb. September 1996 dan tindakan sedang dibuat untuk melantik kontraktor baru.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dikatakan bahawa projek tersebut telah tergendala oleh sebab kontraktor yang mendapat projek tersebut menghadapi masalah kewangan. Saya ingin bertanya, apakah kriteria yang digunakan untuk memilih kontraktor ini sehingga timbul masalah seperti ini?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah menetapkan kriteria untuk memberi galakan kepada bumiputera apabila mereka mengemukakan sesuatu tender. Di dalam paper semuanya ada! *[Ketawa]* Tetapi kementerian tidak ada paksa pergi ke tempat tersebut dan membuat pemeriksaan. Di dalam kes ini, 70% projek telah disempurnakan. Hanya tinggal 30% sahaja, tetapi mereka menghadapi masalah kewangan. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membantu dia, bolehlah diteruskan! *[Ketawa]*

Walau bagaimanapun, perkara ini akan diteruskan tidak berapa lama lagi. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya amat puas hati dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, berapa banyakkah jalan-jalan luar bandar yang telah tergendala pembinaannya? Walaupun soalan ini mungkin khusus, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri orang yang berpengalaman, saya ingat boleh faham dan mengerti berapa banyakkah peruntukan yang telah diberi untuk pembinaan jalan luar bandar ini terbengkalai setakat hari ini dan adakah peruntukan ini boleh dibawa ke hadapan supaya jalan-jalan tersebut dapat disiapkan?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab soalan bahagian yang kedua. Peruntukan ini kita boleh bawa ke hadapan. Untuk jawapan yang pertama, saya tidak mempunyai satu angka yang tepat. Kalau boleh, saya minta untuk memberi jawapan secara bertulis di dalam masa dua minggu. *[Ketawa]* *[Menyampuk]*

**IWK - BAYARAN KE ATAS
PERKHIDMATAN LOJI PEMBERSIH
KUMBAHAN**

7. Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa IWK telah melaksanakan "sludge contribution" ke atas pemilik rumah baru walaupun loji pembersih kumbahan telah dibina bagi pembangunan skim perumahan tersebut mengikut kelulusan IWK. Sumbangan "sludge contribution" yang dikenakan adalah pada kadar minimum RM2,000.00 bagi setiap rumah teres. Ini akan meningkatkan harga penjualan seunit rumah dan seterusnya bertentangan dengan kempen inflasi sifar:

- (a) adakah pihak kementerian telah meluluskan pengutipan laksanaan "sludge contribution". Jika ya, kenapa; dan
- (b) apakah tindakan kementerian jika IWK masih berkeras untuk melaksanakan "sludge contribution" ke atas pembeli-pembeli rumah baru ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, "sludge contribution", dengan izin, atau lebih tepat lagi "capital contribution" merupakan satu polisi yang dilaksanakan oleh pihak kementerian.

Capital contribution yang dikenakan adalah sumbangan yang perlu dibayar oleh pemaju kepada satu akaun amanah di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Pembetungan. Ia diwujudkan supaya dapat dibina sistem dan rangkaian paip pembetungan bersifat serantau, meliputi suatu kawasan tadahan. Ini bertujuan mengurangkan perawatan untuk kelompok-kelompok pembangunan yang berselerak.

Ini adalah kerana kos operasi dan penyelenggaraan loji-loji yang kecil lagi berselerak ini adalah tinggi dan tidak ekonomik. Pengeluaran dari akaun tersebut akan dibuat apabila sesuatu kerja pembesaran, menaik taraf atau membina loji perawatan serantau perlu dilaksanakan dalam sesuatu kawasan tadahan pembetungan terlibat.

Sukacita saya mengambil kesempatan ini memaklumkan bahawa dengan

memperkenalkan sumbangan ini, ia akan membolehkan kadar caj pembetungan untuk projek penswastaaan pembetungan seluruh negara dikenakan pada tahap yang lebih rendah.

- (b) Tuan Yang di-Pertua, sepertimana termaklum, kerajaan sedang mengkaji semula tarif baru pembetungan. Isu sumbangan ini telah dibawa sebagai sebahagian daripada agenda yang akan dikaji. Justeru sumbangan yang akan dikenakan kepada pemaju merupakan keputusan oleh pihak kerajaan kelak dan bukan oleh IWK.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Akibat daripada masalah yang timbul berbangkit dengan isu IWK ini, baru-baru ini kerajaan telah menangguhkan kembali untuk mengkaji semula kedudukan perjanjian ini.

Adakah kerajaan berhasrat untuk membincangkan dengan pihak IWK supaya kadar bayaran yang telah pun dibayar oleh pengguna itu diberi pampasan ataupun diberi ganti rugi dan kerajaan telah pun menetapkan pengambilalihan oleh IWK terhadap semua kawasan di dalam majlis daerah dan majlis perbandaran di seluruh negara. Apa akan terjadi kepada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan untuk pengambilalihan itu? Adakah ia tidak akan berlaku sehingga kajian semula dan penyelesaian ini dapat dibuat dengan pihak IWK terlebih dahulu sebelum kawasan-kawasan majlis daerah dan majlis perbandaran lain di seluruh negara diambil alih oleh IWK untuk pentadbiran?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya IWK telah pun menangguhkan kutipan bil untuk bulan ini dan bulan hadapan dan bil-bil hanya akan dikeluarkan pada tahun hadapan, iaitu mulai 1.1.1997 dan pihak IWK juga telah bersetuju supaya bil-bil ini dikeluarkan selepas sedutan enap cemar ini dilakukan.

Dahulu menjadi masalah apabila kawasan-kawasan diambil alih, IWK telah membuat bil menghantar bil bermula daripada tarikh pengambilan alih, walaupun pada masa itu sedutan enap cemar belum dilakukan. Jadi, pihak IWK telah pun bersetuju supaya bil-bil akan dikeluarkan hanya selepas sedutan enap cemar. Sebagaimana kita sedia maklum, banyak kawasan iaitu enam buah negeri telah pun diambil alih oleh IWK dan bil-bil telah pun dihantar. Tetapi mulai tahun, hadapan bil hanya akan dihantar kepada kawasan-kawasan ataupun

rumah-rumah yang mana enap cemarnya telah pun disedut oleh pihak IWK.

Tuan Chia Kwang Chye: Oleh kerana setakat ini semua kutipan oleh IWK telah ditangguhkan, jadi bagaimana kerajaan boleh memastikan bahawa perkhidmatan akan terus diberi oleh IWK dan dengan mutu yang baik?

Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya terlupa, tidak jawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat Machang, berkenaan dengan wang-wang yang telah pun dibayar kepada IWK. Yang ini, pihak IWK sedang membuat kajian kerana sudah tentulah IWK tidak akan membayar wang-wang ini sebagai pampasan ataupun menyerah balik wang-wang ini kepada mereka yang telah pun membayar tetapi yang kita minta kepada IWK ialah supaya mereka yang belum bayar. Kalau kita hendak kutip balik wang-wang ini daripada mereka yang telah bayar, sudah tentulah akan menimbulkan masalah. Jadi, yang ini sedang dipertimbangkan oleh IWK dan kita juga minta, misalnya, kalau wang telah dibayar, kalau kita minta IWK pulangkan balik wang ini juga menimbulkan masalah. Mungkin wang ini kita cadangkan untuk dikredit bagi masa-masa yang akan datang.

Bagi IWK juga, sudah tentulah mereka menghadapi masalah dan kalau di masa-masa yang akan datang, pihak-pihak pengguna tidak membayar bayaran yang telah pun mereka kenakan, itulah sebabnya kita mengambil masa sedikit supaya mereka akan menggunakan satu tariff yang boleh diterima oleh semua pihak. Kita mencadangkan, misalnya rumah murah dikenakan RM2. Jadi, kalau ini dapat dilaksanakan kita berharap supaya ianya akan dapat diterima oleh semua pihak di negara kita.

BIDANG PROFESIONAL - GALAKAN KEPADA PELAJAR WANITA

8. **Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah konkrit yang akan diambil untuk menggalak lebih ramai pelajar wanita memasuki bidang-bidang profesional yang kini tidak begitu digemari wanita seperti bidang kejuruteraan; dan
- (b) apakah kaedah-kaedah dan langkah-langkah yang akan diambil bagi menggalak dan memastikan Kerajaan Pusat atau Negeri, badan-badan atau agensi kerajaan serta parti-parti politik supaya berusaha mencapai matlamat keanggotaan jantina

yang imbang di semua peringkat membuat dasar.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau] Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kedua-dua isu yang dibangkitkan telah pun dikenal pasti sebagai isu yang perlu ditangani di dalam plan tindakan pembangunan-pembangunan wanita. Antara langkah-langkah yang dicadangkan bagi menangani isu di atas ialah:
 - (i) menggalakkan pelajar-pelajar wanita memasuki bidang sains teknikal dan vokasional semenjak di peringkat pra-sekolah lagi dan ianya boleh dibuat melalui aktiviti-aktiviti yang inovatif seperti mengadakan faedah pembelajaran mata pelajaran sains dan matematik yang lebih kreatif, menarik dan mudah bagi pelajar-pelajar perempuan;
 - (ii) mengadakan kelas bimbingan kerjaya yang bertujuan untuk menggalakkan pelajar wanita meminati bidang-bidang sains dan profesional;
 - (iii) mempertingkatkan kesedaran tentang isu-isu agenda di kalangan guru-guru melalui kurikulum latihan perguruan;
 - (iv) menjadikan mata pelajaran bidang-bidang teknikal dan vokasional sebagai mata pelajaran wajib untuk semua murid-murid tidak kira lelaki atau perempuan supaya penentuan jurusan mengikut jantina dapat dikikis;
 - (v) mengkaji semula kurikulum sekolah supaya diperkukuhkan pendidikan teknikal dan vokasional diajar kepada semua murid; dan
 - (vi) mempertingkatkan pengambilan pelajar wanita ke sekolah-sekolah teknik dan vokasional.
- (b) Bagi menangani isu kurangnya penyertaan wanita di peringkat membuat dasar, kementerian ini ingin mencadangkan langkah-langkah seperti berikut:
 - (i) melaksanakan pengurusan sumber manusia yang menentukan bilangan wanita di peringkat membuat keputusan meningkat dari tahun ke

- setahun yang akhirnya akan mewujudkan keseimbangan dari segi perwakilan lelaki dan wanita;
- (ii) mewujudkan sistem bagi menjamin peningkatan wanita di peringkat kepimpinan politik dan pentadbiran negara;
 - (iii) mewujudkan kesedaran bahawa perlu ada keseimbangan dalam perkongsian kuasa di antara lelaki dan wanita di peringkat penghidupan peribadi dan juga di peringkat awam melalui program-program seperti ceramah, seminar, bengkel dan lain-lain lagi;
 - (iv) melaksanakan program latihan bagi wanita dalam bidang kepimpinan, motivasi, keyakinan diri, pengurusan, proses membuat keputusan, pengucapan awam dan lain-lain;
 - (v) menjalankan kajian mengenai penglibatan wanita di peringkat membuat keputusan bagi mengenal pasti masalah-masalah dan merangka strategi untuk menangani masalah-masalah;
 - (vi) mengadakan program mentor, coaching dan kaunseling di antara wanita-wanita yang telah berada di peringkat membuat keputusan dengan wanita-wanita yang berada di peringkat bawah.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah pengetahuan umum bahawa dari segi pencapaian akademik di sekolah rendah, menengah hinggalah di universiti, sebenarnya pencapaian pelajar-pelajar wanita adalah lebih baik daripada pelajar-pelajar lelaki dan lebih ramai pelajar-pelajar wanita yang mendapat keputusan lebih baik daripada pelajar-pelajar lelaki. Jadi, dari segi itu sebenarnya tidak ada 'gender bias' dari segi mata pelajaran ataupun sebagainya tetapi fenomena yang ditimbulkan di sini masih juga lagi berleluasa iaitu kekurangan pelajar-pelajar wanita untuk memasuki di bidang-bidang profesional.

Jadi, kalau kita buang alasan 'gender bias' apa mungkinkah penjelasan yang lain yang boleh menjelaskan fenomena yang didapati sekarang kecuali di bidang politiklah, perwakilan wanita kurang?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalannya apa dia itu? [Ketawa]

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Soalannya, tadi dikemukakan bahawa terdapatnya gender bias di segi mata pelajaran di peringkat sekolah. Saya mengatakan bahawa sebenarnya tidak ada gender bias tersebut, malah pelajar wanita adalah lebih banyak dan lebih baik daripada pelajar lelaki di peringkat sekolah sehingga sekolah menengah dan sehingga ke universiti. Jadi, kalau kita buang faktor itu, apakah penjelasan lain yang ada untuk menjelaskan fenomena yang ditimbulkan ini?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, yang disebut oleh Yang Berhormat itu mungkin betul, berkenaan dengan pelajar-pelajar dalam semua institusi pengajian tinggi, tetapi soalan (a) yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu ialah mengenai.....

Tuan Yang di-Pertua: Soalan satu sahaja, Yang Berhormat.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:wanita seperti bidang kejuruteraan. Ini kejuruteraan, jadi oleh itulah jawapan dari kementerian yang saya berikan itu berkenaan dengan kejuruteraan.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Soalan tambahan. Terlebih dahulu saya suka mengucapkan tahniahlah kepada kementerian di atas huraian langkah-langkah yang akan diambilnya bagi soalan saya (a) dan (b) tetapi saya tidak dengar daripada pihak kementerian khususnya daripada Timbalan Menteri apakah target spesifik yang mungkin akan ditentukan oleh kementerian bagi tahun 1997 dan tahun seterusnya bagi mencapai matlamat itu?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, perkara pelan tindakan pembangunan wanita ini Yang Berhormat dari Kota Bharu pun telah ada memberi soalan pada 7hb. Oktober yang lepas tetapi tidak ada - keluar. Jadi, pelan tindakan ini ada yang telah dijalankan dalam Rancangan Malaysia Keenam, tetapi kebanyakannya masuk ke dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Sungguhpun begitu, pelan tindakan kerajaan akan dicadangkan untuk dipertimbangan dan diluluskan oleh Kabinet terlebih awal, baru dapat dijalankan cadangan yang saya sebutkan dengan jawapan yang awal tadi.

MEMORANDA PERSEFAHAMAN PENDIDIKAN MALAYSIA-CHINA

9. **Tuan Chang Kon You [Ipoh Timur]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilakah Memorandum Persefahaman Pendidikan Malaysia-China akan ditandatangani; dan
- (b) apakah isi kandungan dalam memorandum tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua soalan yang menyentuh Memorandum Persefahaman Pendidikan Malaysia-China. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya soalan-soalan tersebut ialah seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Tuan Chan Kon You [Ipoh Timur] pada hari ini;
- (ii) Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] pada 7hb. November.

Saya mohon untuk menjawab kedua-dua soalan serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan (a) dan (b), cadangan untuk menandatangani memorandum persefahaman dalam bidang pendidikan di antara Malaysia dan Republik Rakyat China masih di peringkat perundingan. Oleh yang demikian, isi kandungan dan syarat-syarat utama kerjasama tersebut belum lagi diputuskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mengadakan atau menandatangani memorandum persefahaman penyelidikan Malaysia dan China, adakah dibincang supaya Kerajaan Malaysia boleh mengiktirafkan ijazah-ijazah di negeri China, di mana pelajar-pelajar kita ada menuntut di negeri China?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang antara isu-isu yang akan dibincangkan ialah soal bekerjasama khususnya dari segi penghantaran pelajar-pelajar dari Malaysia ke China dan dari negara China ke Malaysia.

Tuan Chang Kon You: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan wujudnya memorandum persefahaman di antara negeri China dengan Malaysia.....

Tuan Yang di-Pertua: Belum wujud lagi, Yang Berhormat. Sedang dibincang.

Tuan Chang Kon You: Okay. Pada masa lebih kurang tahun depan - dijangkakan akan ditandatangani pada tahun depan, jadi saya hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan sedikit bayangan tentang jenis ataupun bentuk interaksi yang dijangkakan di antara negeri China dengan Malaysia. Bila memorandum ini ditandatangani pada tahun depan, misalnya, murid-

murid ataupun penuntut di negara kita boleh hantar ke negeri China dan juga sebaliknya atau kursus twinning boleh diadakan di antara institusi kedua buah negara?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama memorandum persefahaman di bidang pendidikan di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China ialah untuk memperluaskan kerjasama di bidang pendidikan di antara kedua-dua negara. Seperti Kementerian Pendidikan khususnya Menteri Pendidikan telah terangkan, pemimpin-pemimpin Republik Rakyat China telah meminta bantuan Kerajaan Malaysia untuk menolong kerajaan tersebut mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di negara China. Kerajaan Malaysia dari segi prinsipnya telah bersetuju bahawa kita akan memberi bantuan sewajarnya. Sebaliknya Kementerian Pendidikan Malaysia rasa bahawa kita perlu juga menggunakan kepakaran yang ada di Republik Rakyat China khususnya di universiti-universiti kenamaan di negara tersebut untuk menolong kita memperluaskan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin khususnya di peringkat pengajian tinggi kita. Jadi, itulah satu tajuk. Tujuan utama kita ialah untuk memperluaskan kerjasama di bidang pendidikan di antara kedua-dua negara.

KURSUS PEMURNIAN AKIDAH

10. **Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh mana kejayaan pemurnian akidah untuk pengikut Al-Arqam dan apakah tindakan susulan selepas itu bagi memastikan mereka tidak kembali kepada amalan Aurad Muhammadiyah; dan
- (b) apakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan tindakan yang serupa terhadap kumpulan antihadis dan kumpulan Sisters in Islam yang seringkali mengeluarkan pandangan dan andaian yang mengelirukan tentang Islam.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kursus pemurnian akidah yang telah dijalankan kepada pengikut-pengikut Al-Arqam telah membawa kesan yang positif. Ini terbukti daripada 5 siri kursus terakhir yang melibatkan 340 orang peserta telah menimbulkan kesan seperti berikut:-

- (i) keinsafan di kalangan bekas-bekas pemimpin;
- (ii) kesediaan kembali ke 'mainstream' atau aliran perdana dari segi fizikal, mental dan amalan;
- (iii) sebahagian besar telah keluar dari perkampungan mereka;

Bagi memastikan mereka tidak kembali kepada amalan Aurad Muhammadiyah, tindakan susulan akan diteruskan, di antaranya:

- (i) mempertingkatkan usaha-usaha pemulihan;
 - (ii) mempercepatkan pembinaan Pusat Pemulihan Akidah. Operasinya dijangka akhir tahun 1997;
 - (iii) mengesan dan menghalang sebarang usaha oleh mana-mana pihak yang cuba menghidupkan semula kumpulan ini;
 - (iv) meningkatkan usaha membimbing bekas-bekas kumpulan ini balik menyertai arus perdana masyarakat;
 - (v) memastikan semua ciri-ciri asal perkampungan Arqam dihapuskan.
- (b) Kegiatan kumpulan antihadis di dalam perhatian dan tindakan kerajaan. Mengenai kumpulan Sisters in Islam, kerajaan akan mengambil tindakan jika sekiranya pengaruh mereka boleh mendatangkan kesan negatif kepada akidah umat Islam.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapati bahawa walaupun ramai ahli Al-Arqam balik ke pangkal jalan. Tetapi ada sesetengah daripada mereka hanya balik dari segi, maknanya masuk dalam mainstream masyarakat, dari segi pengubahsuaian pakaian sahaja atau dari segi fizikal sahaja. Tetapi dari segi hakikat yang sebenar mereka masih pergi berdakwah seperti apa yang berlaku di dalam Arqam seperti sediakala. Adakah pihak kerajaan dapat mengesan perkara ini dan apakah tindakan selanjutnya?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita hendak mengesan secara terperinci sama ada bekas ahli Arqam ini telah 100% pulih kepada asal, memanglah kadangkala tidak dapat kita melakukannya. Tetapi kalau ada mana-mana pihak telah memberitahu daripada pihak mana-mana sekalipun sama ada pihak berkuasa

agama, daripada tempat-tempat yang terlibat memberitahu balik kepada pihak BAHEIS, maka kita akan cuba berjumpa semula dan akan berbincang balik dengan mana-mana pihak bekas Arqam ini yang dikatakan kembali semula kepada ikutan mereka yang awal. Pada hakikatnya setakat yang kita tahu ramai di antara mereka yang telah banyak pulih seperti sediakala, tetapi ada di antara mereka yang masih belum pulih sepenuhnya. Dengan sebab itulah pihak kita sentiasa bertindak terus-menerus bagi mengembalikan mereka kepada pegangan asal.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen, iaitu adakah benar seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian bahawa ada orang-orang Melayu yang beragama Islam yang telah menjadi murtad dan menjawat jawatan paderi sekarang ini, dan adakah sebarang peruntukan undang-undang yang boleh diambil terhadap mereka yang terlibat ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat soalan itu tidak bersangkut.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat tolong jelaskan. Tadi ada disebut tentang kumpulan Sisters in Islam. Setahu saya kumpulan Sisters in Islam ini memberikan pendapat-pendapat mereka berdasarkan ajaran dan juga quotation ataupun petikan daripada Al-Quran. Jadi, yang saya hendak bertanya, adakah bukti yang menunjukkan bahawa kumpulan ini, iaitu kumpulan Sisters in Islam memberi pendapat-pendapat yang bercanggah dengan ajaran Islam?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebuah buku karangan Amina Wadud Muhsid, bukunya ialah *Quran and Women* memang dia sengaja mengemukakan percanggahan pendapat itu berdasarkan kepada al-Quran. Di antaranya, dia mengatakan mengapa orang lelaki lebih kuat daripada perempuan - itu dalam Quran, jelas. Selain daripada itu, dia menyatakan mengapa ahli-ahli tafsir Quran hanya terdiri daripada orang lelaki sahaja, tidak terdiri daripada orang perempuan. Apabila orang lelaki sahaja membuat tafsir al-Quran, sudah barang tentu dia mengutamakan orang lelaki dan menafikan hak-hak orang perempuan.

Selain daripada itu, dia mempersoalkan dari segi nilai-nilai di antara lelaki dengan orang perempuan. Dia kata, mengapa orang perempuan dianggap

rendah daripada orang lelaki? Sedangkan orang perempuan ini ada pengkhususan yang mungkin tidak mampu dibuat oleh orang lelaki, misalnya bersalin, mengandung - orang lelaki memang tidak mampu. Ini hanya khusus kepada orang perempuan, tetapi dia kata, orang perempuan mengambil bahagian dalam ekonomi dan sosial. Jadi, perkara ini sengaja dibangkitkan supaya orang Islam menjadi hilang punca dan berpendapat mengikut pendapat mereka. Sedangkan perkara ini jelas di dalam al-Quran dan Hadis dan juga dari dahulu, semasa zaman jahiliyah, sebelum kedatangan Islam, orang perempuan ketika itu cukup susah bagi mereka untuk hidup sehingga ditekan oleh orang lelaki sebegitu rupa. Tetapi apabila datang Islam....

Seorang Ahli: tekan - biasalah.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Kalau tekan biasa, saya tidak hendak sebut, tetapi yang lain, lebih daripada itu. Seheinggakan kalau lahir anak perempuan - dibunuh dan sebagainya. Tetapi apabila datang Islam, pembelaan telah dibuat yang mana orang Islam ini, apabila membuat kebaikan, sama ada perempuan atau lelaki, pahalanya serupa dan jaminan apabila membuat kebaikan - masuk syurga - lelaki dan perempuan, serupa, tidak ada beza. Jadi, itu pembelaan Islam. Tetapi orang ini sengaja mengemukakan pendapat yang bercanggah bertujuan untuk menyesatkan lagi orang Islam, maka inilah cabaran kepada orang Islam yang mesti sama-sama kita mengatasinya untuk menguatkan lagi akidah Islam itu sendiri.

MAS ENGGAN MENAMBAH PENERBANGAN DALAM NEGERI - SEBAB

11. Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus] minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kementerian sedar tentang kerumitan penumpang-penumpang Penerbangan Malaysia (MAS) untuk mendapatkan tiket penerbangan ke negeri-negeri Pantai Timur khususnya di Negeri Terengganu dan Pahang. Adakah benar dakwaan sesetengah pihak menyatakan bahawa pihak MAS tidak ingin menambah penerbangan dalam negeri memandangkan laluan dalam negeri mengalami kerugian yang besar berbanding dengan penerbangan antarabangsa.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar bahawa Penerbangan Malaysia (MAS) tidak ingin

menambahkan penerbangan dalam negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah penerbangan dalam negeri termasuk ke negeri-negeri Pantai Timur adalah biasanya disediakan berdasarkan kepada permintaan yang wujud bagi tiap-tiap sektor dalam negeri berkaitan. Kadang-kadang memang berlaku sedikit kekurangan tempat apabila berlakunya cuti-cuti umum. Bagaimanapun, MAS sentiasa mengambil perhatian supaya penerbangan ditambah dari masa ke semasa.

Dalam hal ini permintaan bagi setiap sektor dalam negeri adalah sentiasa diawasi dan permintaan-permintaan tambahan akan disediakan sekiranya perlu. Bagi penerbangan Kuala Lumpur - Terengganu, pada ketika ini 28 kali seminggu. Mulai 30 Mac, 1997, jumlahnya akan dinaikkan kepada 31 kali seminggu. Penerbangan dari Kuala Lumpur ke Kuantan pada ketika ini 44 kali seminggu dan pada 30 Mac, 1997 telah pun ditetapkan akan dinaikkan kepada 52 kali seminggu.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Haji Mohd. Said: Soalan tambahan. Apakah masalah sebenar yang dihadapi oleh syarikat-syarikat penerbangan jarak dekat, sama ada domestik ataupun internasional yang menyebabkan, pada hari ini, kita lihat bahawa Pelangi Air telah terpaksa memberhentikan beberapa laluan penerbangan domestik dan internasionalnya dan juga Syarikat Asia Pasifik yang saya kira "hidup segan mati tak mahu".

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semalam saya baru balik dari Melaka dan saya telah pergi Lapangan Terbang Batu Berendam. Saya terperanjat bila diberitahu bahawa mulai 16 Oktober yang lepas penerbangan Pelangi Air telah diberhentikan daripada Singapura-Melaka-Ipoh-Langkawi, Melaka ke Medan dan Melaka ke Phuket. Sebabnya adalah kerana kekurangan juruterbang. Juruterbang Pelangi telah pun diambil oleh syarikat penerbangan yang lain dan ini telah menyebabkan industri pelancongan di Melaka terjejas dalam tempoh 2 minggu terkebelakang. Saya suka memaklumkan di dalam Dewan ini bahawa penerbangan Pelangi di Melaka untuk tahun 1994 - penumpang yang menggunakannya ialah seramai 10,000 orang. Tahun 1995 telah naik kepada 18,000 - satu peningkatan lebih kurang 70%. Manakala pada tahun 1996 (sehingga bulan Ogos) penumpang yang telah menggunakan Lapangan Terbang Melaka lebih 17,000 orang. Ini baru 8 bulan, bererti sampai bulan Disember jika

Pelangi meneruskan penerbangan akan naik sehingga lebih 20,000 penumpang. Ertinya satu penambahan penumpang yang besar, khususnya di Lapangan Terbang Batu Berendam.

Saya lihat sebab utamanya ialah kerana juruterbangnya kurang dan juruterbangnya pula diambil oleh syarikat penerbangan lain dan tidak ada perancangan jangka panjang untuk syarikat-syarikat penerbangan seperti Pelangi Air. Kerana itu kementerian telah meminta supaya Pelangi Air mengadakan pendekatan jangka panjang supaya tidak berlaku kekurangan juruterbang. Dia mesti melihat, apatah lagi kita menyiapkan KLIA pada tahun 1988, tahun 2000 dan masa depan - Wawasan 2020. Sekiranya tidak ada persediaan begini sudah tentu kita akan menghadapi masalah pada masa hadapan. Kerana itu nasihat kementerian kepada syarikat-syarikat penerbangan seperti Pelangi Air perlu mengadakan pelan jangka panjang untuk juruterbang-juruterbang, termasuk mengambil juruterbang daripada luar negara.

Dato Haji Hanafi bin Ramli: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Selain daripada MAS yang mengadakan penerbangan tambahan dalam negeri, kita dapati sekarang ini masalah kekurangan tempat duduk bagi "business class". Adakah kementerian akan mengarahkan MAS supaya mereka dapat menambahkan kapasiti 'seat' daripada 12 'seat' yang ada sekarang dalam 'business class' bagi Boeing 373 itu dirombak supaya boleh ditambah sehingga 15 ataupun 16 'seat' lagi bagi menampung keperluan ahli-ahli perniagaan dan juga kawan-kawan Ahli-ahli Parlimen.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Perkara ini sudah tentu akan diambil perhatian. Sama ada boleh tambah business class, kalau tidak boleh tambah, kita akan tambah lagi kapal terbang. Yang pentingnya Yang Berhormat akan dapat naik 'business class'.

PEKERJA BANGLADESH - MENGATASI MASALAH SOSIAL

12. Dr. Ramli Taib [Kemaman] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah bilangan pekerja-pekerja Bangladesh di negara ini. Apakah jenis pekerjaan yang dijalankan oleh mereka; dan

- (b) berapa seriuskah masalah-masalah sosial yang melibatkan pekerja ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) bilangan pekerja Bangladesh yang sah di negara ini pada 1hb. Ogos, 1996 adalah seramai 160,812 orang. Mereka sedang bekerja di sektor perkilangan, perladangan, pembinaan dan perkhidmatan.
- (b) masalah yang timbul daripada kehadiran pekerja Bangladesh adalah terkawal. Namun demikian, kerajaan telah memutus untuk membekukan pengimportan pekerja asing dari negara sumber termasuk dari Bangladesh.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini ada di dalam sebuah akhbar yang menyatakan bahawa ada 30,000 pekerja Bangladesh yang terdapat di selatan Thailand. Bolehkah kita pastikan bahawa pendatang-pendatang tanpa izin dari Bangladesh ini tak akan datang dengan lebih ramai ke Malaysia ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kerajaan memutuskan supaya bukan sahaja kita bekukan pengambilan baru daripada mana-mana negara sumber, kita juga memperkenalkan peraturan-peraturan di mana semua majikan diingatkan supaya tidak ada ejen lagi dibenarkan untuk menguruskan hal-hal pekerja iaitu kalau sesiapa datang untuk menawar pekerja dikatakan dari Bangladesh ada sekian-sekian ramai hendak dibekalkan, itu semuanya adalah pekerja yang tidak sah. Kalau semua majikan pegang kepada apa yang kerajaan umumkan supaya sekarang ini jangan sesiapa mengambil pekerja asing kerana memang tidak boleh, jika ada yang mengambil pekerja asing itu pun tidak sah, maknanya semuanya itu adalah pekerja tanpa izin. Kalau ada permit kerja pun, itu adalah permit kerja yang palsu. Kalau ada dokumen perjalanan pun, itu pun adalah palsu. Maka kalau semua majikan tahu tentang pengetahuan ini, sudah tidak ada pasaran lagi, maka sindiket yang cuba hendak diambil masuk ini, apabila mereka sudah ditawarkan dan tidak ada orang yang hendak mengambil mereka, saya rasa dengan sendirinya mereka tidak

akan membawa pekerja tanpa izin lagi kerana sudah tidak ada pelanggan mereka lagi. Saya rasa ini adalah satu cara yang sungguh berkesan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada benar di antara bilangan pekerja Bangladesh yang berada di negara kita, kebanyakannya terdiri daripada kaum lelaki kerana Bangladesh tidak membenarkan kaum wanita Bangladesh bekerja di negara kita. Ini yang menimbulkan banyak masalah sosial dan memandangkan begitu bolehkah Yang Berhormat menyatakan berapa ramaikah pekerja Bangladesh yang berkahwin dengan wanita tempatan di negara kita dan adakah beliau akan melarang mereka berbuat demikian memandangkan banyak masalah yang timbul apabila mereka dihantar balik kelak.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa kebanyakan Bangladesh yang berada di negara ini adalah lelaki kerana sektor-sektor yang kita benarkan mereka bekerja sepertimana saya sebutkan tadi, itu adalah merupakan sektor-sektor yang majikannya hanya lebih suka mengambil pekerja lelaki, sebab lebih bersesuaian dari segi pembinaan, perladangan dan sebagainya. Dan memang apabila mereka dibenarkan masuk, syarat permit kerja sudah jelas menyatakan mereka tidak boleh kahwin. Oleh sebab mereka tak boleh kahwin, kalau mereka kahwin pun, mereka tidak akan buat secara teratur, maka kerajaan tidak mempunyai angka yang sah, berapa ramaikah yang telah berkahwin dengan wanita tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan sudah cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1 dan 13 hingga 34 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 2) 1996

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967; Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967; Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976; Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990; Akta Cukai Perkhidmatan 1975; Akta Cukai Jualan 1972; Akta Kastam 1967 dan Akta Zon Bebas 1990, dan untuk memansuhkan Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar 1965; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1997

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM17,268,654,900 (Ringgit Malaysia tujuh belas bilion, dua ratus enam puluh lapan juta, enam ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1997, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1996, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut."

[31hb. Oktober, 1996]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tambun, sila sambung ucapan dan diperingatkan iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat akan dibenarkan berucap selama 20 minit sahaja. Sila!

3.35 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Yang di-Pertua, minggu lalu saya ada menyentuh bahawa persaingan di peringkat antarabangsa menjadi bertambah sengit. NIE keseluruhannya makin meningkat menggunakan strategi yang sama terutama menarik pelabur asing. Kedua, mengeluarkan produk nilai tambah dan ketiga, dengan adanya access kepada teknologi, mutu produk menjadi bertambah tinggi.

Dengan kos buruh, negara kita semakin meningkat hanya kurang daripada Singapura, produk kita tidak lagi menjadi kompetitif. Dengan itu kita perlu bersaing untuk masa hadapan. Dalam erti kata yang lain, kita perlu mencipta harta intelek bagi produk kita dan menguasai pasaran serta sentiasa di hadapan pesaing. Dengan itu saya mengalu-alukan usaha kerajaan untuk mengadakan multimedia super corridor di mana disediakan sebuah tapak seluas 1,000 kilometer persegi untuk multinasional menempatkan pusat perniagaan serta R&D. Saya ingin menyambung isu tersebut.

Ada dua perkara yang saya dapati penting ke arah untuk menjamin multi-media super corridor terutama tapak seluas 1,000 kilometer persegi ini mencapai kejayaan. Pertama, kita mesti menjamin bahawa syarikat-syarikat yang datang ke tapak tersebut menjalankan R&D kerana cita-cita kita mengadakan tapak tersebut adalah untuk mencipta produk kreatif untuk memperoleh pasaran bidang 'niche' di peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan isu ini kerana kita tidak boleh menguasai ataupun mempengaruhi multinationals tersebut. Saya difahamkan sebanyak 100 syarikat Jepun telah menyatakan minat untuk menempatkan perusahaan mereka di situ di samping beberapa syarikat multinasional dari Amerika Syarikat.

Kerajaan telah menyediakan Bill of Guarantee. Salah satu daripada artikel di dalam Bill of Guarantee yang ke-9 menyatakan bahawa syarikat-syarikat yang menempatkan perusahaan di kawasan tersebut akan mendapat prioriti dari segi projek-projek kerajaan dalam membangunkan multimedia super corridor.

Saya difahamkan bahawa sebahagian besar syarikat-syarikat yang datang bukannya berminat untuk mengadakan R&D pada peringkat terdekat, tetapi lebih berminat untuk mendapatkan projek daripada kerajaan.

Adalah dimaklumkan bahawa untuk membangunkan multimedia super corridor menelan perbelanjaan sebanyak RM50 bilion, di mana RM5 bilion adalah untuk kerja-kerja infrastruktur yang telah pun diberikan kepada Telekom.

Saya juga ingin menyatakan bahawa selain daripada soal ini, kerajaan harus berhati-hati di atas beberapa sebab. Pertama, projek ini melibatkan RM50 bilion, satu jumlah yang besar, jikalau terjadi sesuatu yang tidak kena pada masa hadapan, kita akan menanggung satu kesusahan yang begitu besar.

Kedua, masalah skill dan knowledge gap di antara kita dengan industri ini. Kerajaan menggunakan foreign expertise, sepertimana saya nyatakan apabila saya membangkitkan isu bidang perkilangan dikuasai oleh multi-nasional asing, bukan oleh multinasional tempatan, salah satu isu yang saya bangkitkan ialah soal 'sense of responsibility' dan 'sense of national pride'. Adakah kita boleh betul-betul yakin 'foreign expertise' ini bekerja untuk membantu kita, ataupun mereka bekerja untuk mendapat keuntungan dan sekiranya apa-apa berlaku, masalah atau risikonya akan ditanggung oleh negara kita.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun Yang Berhormat!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik kepada hujah Ahli Yang Berhormat tadi. Adakah Ahli Yang Berhormat sedar, selain daripada yang disebutkan tadi di banyak projek termasuk di LRT ada pakar-pakar asing, tetapi pakar-pakar tempatan tak banyak. Kalau ada dilantik pakar-pakar tempatan pun tidak lama selepas itu pakar tempatan pun lari kerana mungkin pindahan teknologi itu tak berlaku ataupun ada masalah-masalah yang lain. Adakah Ahli Yang Berhormat meneliti masalah-masalah seumpama ini kerana ada berhubung-kait dengan apa yang disebut-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi kerana ini adalah satu perkara yang serius, kerana tidak ada pemindahan teknologi yang berlaku.

Tuan Ahmad Husni bin Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang dianggap perlu perhatian daripada pihak kerajaan. Saya akan sentuh perkara ini dalam isu mengenaiimbangan perdagangan dengan negara Jepun. Saya minta izin untuk saya meneruskan perbincangan isu yang saya bangkitkan ini.

Ketiga, soal transfer of technology dan seterusnya penyertaan bumiputera dalam bidang tersebut. Satu lagi isu berkaitan dengan MSC adalah berkaitan dengan akta-akta pelaburan tersebut, seperti Akta Harta Intelek. Saya ingin menyebut laporan daripada *Congressional Courtly Incorpn.* di Amerika Syarikat, dengan izin, "the Clinton administration in promoting its initiative to create a national information infrastructure assert that content is the most important ingredient in the coming information superhighway and that the project potential will not be realised if the content is not protected effectively. Digital communications have altered long standing copyright issues in at least five fundamental ways; digital works are easily copied with no loss of quality; they can be transmitted easily to other users or be accessed by other multiple users; it can be manipulated and modified easily and change beyond recognition."

Tuan Yang di-Pertua, jikalau pihak multinasional tidak yakin dengan perlindungan-perindungan terhadap hak cipta paten dan reka bentuk maka cita-cita negara kita untuk mengadakan MSC tidak akan tercapai.

Satu juga ingin menyentuh mengenai dengan isu produktiviti. Di dalam Laporan Ekonomi 1996-1997, isu ini dibangkitkan. Produktiviti kita bertambah sebanyak 3.9% tetapi gaji meningkat kepada lebih tinggi sebanyak 7.1%.

Tuan Yang di-Pertua, kerja telah berubah daripada pekerjaan manual kepada pekerjaan berbentuk mental. Saya dapati bahawa produktiviti di negara ini tidak tinggi ada berkaitan dengan satu fenomena yang berlaku secara menyeluruh baik di agensi kerajaan mahupun di agensi swasta tidak menumpukan atau tidak mengutamakan kepada latihan.

Saya ingin menyentuh perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, semasa anak Raja Jepun, Putera Mahkota berkahwin lebih kurang 5 tahun lalu, ada sebuah pancaragam sekolah diminta untuk bermain di pintu selatan Imperial Palace dan mereka diminta memainkan lagu kebangsaan Jepun dalam masa satu minit setengah. Lagu ini biasanya dimainkan dalam masa dua minit. Berbulan-bulan mereka mengadakan latihan demi latihan sehingga pada hari tersebut mereka dapat bermain dalam masa 1 minit 45 saat. Mereka akan mengadakan pertunjukan tersebut pada pukul 2.00 tengahari. Pada pukul 10.00 mereka telah berkumpul dan berlatih di tempat tersebut sehinggalah pada pukul 2.00 apabila mereka bermain, mereka dapat bermain dalam jangka waktu 1 minit 30 saat.

Pada hal Tuan Yang di-Pertua, rombongan pengantin raja bila lalu di kawasan tersebut, tidak langsung tahu adanya pancaragam sekolah memainkan lagu kebangsaan tetapi pelajar-pelajar ini berlatih dengan begitu bersungguh-sungguh kerana prinsip yang mereka pegang iaitu prinsip "never good enough" dengan izin.

Kata Professor Robert Haese, dalam bukunya *Why Japanese Factories Work*, ada tiga perkara yang diutamakan, dengan izin,

- (i) mind their production business very seriously in term of inventory control and production;
- (ii) total preoccupation with quality giving rise to hundred percent inspection instead of statistical quality control; and
- (iii) treatment of employees as capital emphasis on education, training, development of workers, learning skills through job rotation.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, apabila seorang pelajar itu tamat belajar di universiti, mereka akan mengikuti latihan selama 3 tahun di dalam syarikat masing-masing. Mereka akan belajar tentang "working culture", "business culture", PR dan sebagainya, tetapi ini tidak berlaku di dalam negara kita. Saya telah mengkaji dari segi badan-badan kerajaan mahu pun swasta, Majlis Bandaraya Ipoh, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, MARA, TNB dan sebagainya, budget untuk latihan dan pembangunan kakitangan begitu kecil sekali.

Saya berharap kerajaan akan membuat sesuatu untuk kita meningkatkan usaha-usaha latihan baik di badan-badan kerajaan mahu pun swasta. Sekiranya organisasi kita lembab berbanding dengan environment yang lebih laju, maka itu akan menandakan berakhirnya atau tamatnya organisasi tersebut.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh, Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan defisit dagangan Malaysia dengan Jepun. Perkara ini amat serius. Daripada tahun 1990 sehingga 1995, defisit dagangan kita dengan Jepun meningkat 5 kali ganda. Daripada RM6.4 bilion pada tahun 1990 kepada RM29.5 bilion pada tahun 1995. Walaupun kita mempunyai surplus dalam perdagangan kita dengan US, Singapura dan negara-negara lain, tetapi dengan sebab saiz defisit yang begitu besar, makaimbangan perdagangan kita keseluruhannya mengalami defisit pada tahun 1995 termasuk juga

tahun 1996. Kesan daripada itu, selain daripada ia mengatasi surplus kita dengan negara-negara lain, kita juga menghadapi risiko dari segi masalah kenaikan Yen di samping masalah mendapatkan komponen gantian yang dibawa masuk daripada negara Jepun mengikat kita kepada risiko kos serta risiko pembekalan. Selain dari itu, kita juga menghadapi tekanan daripada Jepun ke atas barang-barang yang kita eksport ke negara Jepun dengan dikenakan diskriminasi tarif yang begitu tinggi. Dengan sebab itu, kepergantungan kita dengan Jepun begitu tinggi meletakkan negara kita kepada risiko yang begitu tinggi.

Saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya kita mengkaji term dagangan kita dengan negara Jepun dan juga dalam hubungan-hubungan masa hadapan, kita harus kaji betul-betul sejauhmana untungnya kepada negara kita.

Contohnya dalam kes Perwaja, kita meminjam daripada Jepun sebanyak RM 2.1 bilion menggunakan Japanese Yen dan akhirnya Perwaja mengalami kerugian sebanyak RM2.9 bilion dan 34% adalah daripada kenaikan harga Yen. Jadi, hubungan kita dengan Jepun menguntungkan dari satu segi dan merugikan serta menekan masa hadapan negara kita dari segi yang lain.

Satu lagi isu yang ingin saya bangkitkan adalah mengenai dengan laporan *Berita Harian* pada 7hb. Oktober, 1996 yang bertajuk "*Keharmonian Kaum Pemangkin Ekonomi*". Saya bersetuju dengan pandangan *Berita Harian*, tetapi apa yang ingin saya nyatakan bahawa asas kepada keharmonian kaum di negara ini adalah orang Melayu sendiri, yang merupakan kaum majoriti dalam negara kita. Orang Melayu yang juga orang Islam adalah penentu kepada perpaduan seluruh kaum dalam negara kita.

Saya melihat daripada segi sejarah sesuatu bangsa itu bergaduh dan seterusnya berlaku pertumpahan darah adalah disebabkan isu agama. Walaupun kita beragama Islam, tetapi di dalam agama Islam ada fahaman-fahaman yang berbeza, umpamanya ada fahaman Ahli Sunnah Waljamaah dan fahaman Syiah.

Kita dapati bahawa daripada zaman Saidina Ali r.a. sehingga sekarang pertempuran antara kedua-dua ini berlaku untuk mencari siapakah yang paling berpengaruh. Lebih-lebih lagi dengan Iran sekarang muncul sebagai salah sebuah negara Islam yang disegani, maka pertelingkahan antara Sunnah dan Syiah menjadi bertambah hebat.

Misalnya kita lihat di Afghanistan golongan Taliban daripada Sunnah Waljamaah, golongan Abdul Rashid Dostum dan Ahmad Masood daripada Syiah dan mereka disokong oleh Iran, manakala Taliban disokong oleh Pakistan dan Arab Saudi. Begitu juga di negara-negara lain, di Iraq, Iran, Pakistan sendiri berlakunya pertelingkahan antara kedua-dua golongan ini.

Sekarang di negara kita golongan Syiah telah mula masuk dan tidak hairan jikalau Syiah akan berkembang daripada masa ke semasa menjadi besar dan akhirnya boleh berlaku pertempuran antara Syiah dengan Ahli Sunnah Waljamaah. Saya berpendapat bahawa perkara ini cukup serius dan harus ditangani oleh kerajaan.

Saya ingin memberi pendapat bahawa di dalam Fasal 3, Perlembagaan Persekutuan ada menyatakan bahawa:

"3(1) Ugama Islam ialah ugama bagi Persekutuan; tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan."

Saya berpendapat sekiranya dipersetujui fasal ini dipinda dengan meletakkan 'agama Islam sebagai agama rasmi dan fahaman Ahli Sunnah Waljamaah menjadi pegangan kepada umat Islam dalam negara ini' supaya tidak berlaku masalah-masalah yang akan timbul.

Oleh kerana waktu begitu terhad, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat membincangkan tentang masalah yang boleh timbul daripada kefahaman yang berbeza, yang dipegang oleh golongan Syiah. Satu sahaja yang ingin saya sentuh mengenai ini, Syiah memperakui bahawa al-Quran mengandungi lebih daripada 17,000 ayat, manakala kita daripada Sunnah Waljamaah berpegang kepada lebih 6,000 ayat. Di situ sahaja sudah mengandungi kerosakan-kerosakan akidah yang nanti boleh memecahbelahkan masyarakat negara ini.

Satu lagi perkara yang ingin saya sentuh ialah mengenai isu Perwaja. Saya mengalu-alukan laporan akhbar *The New Straits Times*, bertarikh 1hb. November, 1996 yang menyatakan bahawa pengeluaran Perwaja telah meningkat pada 85,000 tan billet sebulan berbanding dengan 60,000 tan yang telah dicapai sehingga Julai 1996. Pihak pengurusan yakin bahawa pada bulan Oktober, November dan seterusnya tidak ada laporan yang diterima sehingga ini bahawa pengeluaran akan

meningkat pada 90,000 tan. Di samping itu juga pihak pengurusan menyatakan bahawa mereka telah dapat mengurangkan kos sepertimana dinyatakan, dengan izin, 'in the steel business unless you are cost effective, you cannot survive.'

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa industri besi keluli ini mempunyai masa hadapan yang begitu baik. Semasa Perwaja ditubuhkan ekonomi dunia menghadapi kelembapan, dengan itu permintaan lebih rendah daripada pengeluaran. Sebagai contoh pada tahun 1991, permintaan besi keluli adalah sebanyak 718 juta tan, manakala pengeluaran sebanyak 728 juta tan.

Pada tahun 1995 permintaan adalah sebanyak 725 juta tan manakala pengeluaran sebanyak 721.4 juta tan. Di Asia sahaja sekarang permintaan sebanyak 298.6 juta tan manakala pengeluaran sebanyak 276.2 juta tan dan pada tahun 2000 dijangka bahawa permintaan sebanyak 351.6 juta tan dan pengeluaran sebanyak 321.3 juta tan. Dengan kedudukan Perwaja di Kemaman dan mempunyai kemudahan pelabuhan ia boleh menjadi pembekal utama kepada negara-negara dalam kawasan ASEAN terutama di Vietnam, Thailand, Kampuchea, Laos, Indonesia dan Filipina.

Masalah yang dihadapi oleh Perwaja adalah:

Pertama, operasinya tidak menguntungkan ataupun dalam bahasa Inggeris, 'negative gross profit margin'. Umpamanya pada 31hb. Mac, 1995 menghadapi operating loss sebanyak RM85.5 juta. Ini disebabkan oleh kerana bahan mentah merupakan 70% daripada hasil jualan, dengan sebab itu projek ini bergantung kepada sejauh mana tinggi atau rendahnya kos bahan mentah. Oleh kerana kos bahan mentah begitu tinggi keuntungan menjadi begitu kecil. Kedua, syarikat ini menghadapi 'gearing' yang begitu tinggi, iaitu debt to equity ratio setinggi 5.6 kali berbanding dengan international standard sepatutnya 1.1 kali. Dengan RM6 bilion hutang dan kadar faedah sebanyak 8%, bermakna bahawa Perwaja kena membayar sebanyak RM480 juta faedah pada setiap tahun, berbanding dengan unjuran yang dibuat oleh Perwaja dalam keadaan syarikat beroperasi dengan baik daripada tahun 1995 hingga tahun 2005, di mana pada

tahun 2005 Perwaja dijangka mendapat keuntungan operation sebanyak RM175 juta. Ini tidak boleh membayar kos kewangan yang begitu tinggi. Begitu juga....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Ahmad Husni bin Hanadzlah: Ya, saya hendak tutup. Jadi, begitu juga dengan pinjaman sebanyak RM2.1 bilion dalam bentuk Japanese Yen telah pun meletakkan syarikat ini menghadapi risiko yang begitu tinggi dari segi tukaran asing.

Buat penutupnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sejauh mana masalah ini telah diatasi, apakah management baru dapat menyelesaikan masalah-masalah operasi kewangan dan sebagainya. Saya difahamkan pihak bank telah memberi 'moratorium' ke atas pinjamannya, bermakna langkah untuk menyelesaikan masalah ini begitu baik.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tumpat.

3.57 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, yang telah memberi masa kepada saya pada hari ini untuk bersama-sama membincang tentang perbelanjaan kita pada tahun hadapan.

Suka saya menyentuh tentang kenaikan kadar inflasi kepada 3.6% tahun ini dengan Indeks Harga Pengguna dilaporkan meningkat kepada 5.7%. Walaupun pihak kerajaan mendakwa kadar inflasi dapat dikawal pada tahap yang rendah, apakah sebenarnya ukuran rendah yang dimaksudkan? Mungkin kita bersetuju jika kadar inflasi sekarang tidak menjejaskan kemampuan perbelanjaan golongan kaya dan berpendapatan sederhana, tetapi bagaimana pula halnya dengan majoriti rakyat berpendapatan rendah di luar bandar juga di bandar-bandar.

Adakah kita yakin seorang buruh yang berpendapatan RM500 sebulan dan mempunyai 6 orang anak tanggungan, bolehkah bertahan dengan trend kenaikan harga barangan keperluan harian dan perkhidmatan? Indeks Harga Pengguna (IHP) Malaysia mengandungi sekumpulan 9 item harga barangan dan perkhidmatan yang pada umumnya digunakan oleh semua lapisan penduduk. Kesemua item ini diberikan wajarannya sendiri bergantung kepada betapa pentingnya sesuatu barangan atau perkhidmatan itu berbanding dengan kesemua keperluan. Sebagai contoh:

JenisWajaran diberi	(%)
Indeks makanan	33.7
Minuman dan tembakau	4.3
Pakaian dan kasut	4.0
Sewa kasar bahan api dan kuasa	20.2
Perabot/hiasan dalaman/perkakas rumah dan urusan rumahtangga	5.8
Rawatan perubatan dan perbelanjaan kesihatan	1.8
Pengangkutan dan perhubungan	18.6
Rekreasi/hiburan/pelajaran dan perkhidmatan kebudayaan	5.2
Berbagai barangan dan perkhidmatan	6.4

Tuan Yang di-Pertua, dari pemaparan wajaran item-item IHP itu tadi, jelas bahawa indeks makanan dan pengangkutan atau perhubungan mencatatkan peratus wajaran tertinggi masing-masing 33.7 peratus dan 18.6 peratus. Ini bermakna item makanan dan pengangkutan mempunyai pengaruh yang besar dalam pengiraan IHP. Tetapi apa yang menghairankan walaupun harga barangan makanan terus meningkat saban hari dan kos pengangkutan turut meningkat akibat kenaikan kadar tol, indeks harga pengguna masih lagi didakwa berada pada tahap yang rendah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita curiga dengan ketetapan pengiraan IHP yang ada sekarang kerana ada tanda-tanda bahawa ia tidak menggambarkan keadaan sebenar inflasi negara. Bolehkah kita menerima hakikat, seorang buruh yang berpendapatan RM600.00 sebulan dan mempunyai enam tanggungan tidak terjejas pendapatannya apabila harga barangan keperluan harian seperti gandum, susu, gula, tepung dan sebagainya meningkat saban minggu.

Jika dahulu buruh tersebut hanyalah membelanjakan RM200.00 untuk keperluan dapur, sudah tentu beliau kini terpaksa membelanjakan lebih daripada itu untuk mendapatkan keperluan yang sama. Bagaimana pula dengan perbelanjaan lain, yang terpaksa ditanggung olehnya seperti belanja pengangkutan ke tempat kerja, pakaian dan kasut ahli keluarga, tambang anak-anaknya ke sekolah dan sewa flat murah dua bilik yang diura-urakan akan dinaikkan oleh DBKL.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga perlu insaf bahawa rakyat berpendapatan rendah khususnya di bandar-bandar terpaksa memperuntukkan sebahagian besar pendapatannya kepada item makanan dan pengangkutan, sehubungan itu wajaran bagi makanan dan pengangkutan bagi golongan berpendapatan rendah adalah lebih tinggi daripada apa yang ditetapkan oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) di Malaysia.

Dalam erti kata lain, kenaikan indeks makanan dan pengangkutan lebih banyak menjejaskan golongan berpendapatan rendah dari lain-lain golongan yang lebih banyak memperuntukkan duit untuk berekreasi dan melancong atau melencong ke luar negeri. Peningkatan indeks makanan kepada 5.7 peratus pada tahun ini juga memperlihatkan kegagalan Kempen Inflasi Sifar. Banyak faktor yang menyebabkan kegagalan ini, tetapi antara faktor yang patut direnungkan bersama adalah kegagalan kerajaan sendiri untuk menjadikan contoh tauladan kepada rakyat dalam Resolusi 1996 - Bersama Mencapai Inflasi Sifar yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Kerajaan menggariskan beberapa langkah yang patut diambil oleh pengguna ataupun rakyat untuk mencapai Inflasi Sifar. Antaranya merancang perbelanjaan, mendapatkan nilai terbaik bagi wang dan mengelakkan perbelanjaan yang berlebihan. Tetapi tidak ada langkah-langkah yang disebutkan itu tadi turut dilaksanakan oleh kerajaan. Kita lihat bagaimana krisis bekalan simen, teretus akibat kegagalan kerajaan merancang dengan teliti pelaksanaan projek-projek mega seperti Menara Kuala Lumpur dan Menara Kembar Petronas.

Permintaan simen yang meningkat di pasaran akibat projek-projek mega ini, mengakibatkan rakyat menanggung akibat. Ada orang kampung terpaksa membelikan sekampit simen dengan harga RM17.00 sehingga kepada RM18.00. Sekali ganda dari harga pasaran ekoran krisis tersebut, hanya selepas rasa ketidakpuasan hati rakyat melata barulah kerajaan mengambil langkah-langkah yang drastik dan tergesa-gesa untuk mengimport simen daripada luar negara bagi menampung kekurangan bekalan dalam negeri. Apa yang menyedihkan, Tuan Yang di-Pertua, adalah kesediaan kerajaan untuk melayan permintaan pengeluar dan pembekal simen agar harga simen yang termasuk dalam kategori barangan kawalan tadi dinaikkan. Akhirnya kerajaan terpaksa akur terhadap ugutan pengusaha simen dan sekali lagi rakyat menjadi mangsa. Inilah ciri-ciri kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya adalah ini caranya kerajaan merancang dan mengawal perbelanjaan. Kemelut kenaikan harga simen ini tidak terhenti setakat itu sahaja. Pengusaha-pengusaha projek perumahan pula mengambil kesempatan untuk menaikkan harga rumah. Walaupun kerajaan semacam bertegas untuk tidak menurun ataupun tidak akan menurut kemahuan pengusaha-pengusaha terbabit. Pengumuman kerajaan untuk menaikkan kadar harga rumah kos rendah daripada RM25,000 kepada RM30,000 hingga RM35,000 pasti melegakan syarikat pemaju walaupun menyesak nafas rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan sekali lagi bercakap mengenai pembentukan masyarakat madani. Pada tahun lepas - masyarakat madani, tahun ini masyarakat madani lagi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak faham. Dalam Perhimpunan UMNO, baru ini dia kata, dia kira ulama permaidani, masyarakat madani ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata ulama permaidani. *[Disampuk]* Bukan erti begitu...ertinya cuma semacam ada "gap".....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, tak lengkap Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nak beri jalan. Yan bangun.

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: Dengar dulu...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, ini masalah dalaman UMNO, yang PAS nak masuk campur kenapa!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yan, nanti dulu. Dia belum beri laluan lagi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Berilah laluan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ada seorang lagi ini. Yang Berhormat dari Tumpat nak beri siapa dulu. Yan dulu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat dari Tumpat, kena faham, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan ini, kita dalam UMNO memang kita berkawan macam itu. Itu isu gurauan sahaja bukan serius. Jadi, Yang Berhormat ini nak ambil tahu sangat pasal dalam UMNO pasal apa, teringin nak masuk balik ke? Kalau tidak jangan ambil tahu, sat ni kalau kena serang-kacau. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: Tidak bolehlah, UMNO ini tulang belakang kan? Kita kena ambil tahulah. Sebab kesan daripada UMNO itu bukan sahaja kepada UMNO - kepada rakyat. Itulah saya tidak setuju kalau bincang masalah "corruption", masalah politik wang ini dalam UMNO sahaja. Kita mesti jadikan isu itu isu negara, bukan isu UMNO sahaja, itu yang saya tanya tempoh hari.

Masalah penggunaan wang, saya tanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apakah Perdana Menteri tidak berhasrat untuk mengawal penggunaan wang dalam setiap pilihan raya yang akan diadakan di masa akan datang tetapi Perdana Menteri tidak jawab.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Machang bangun.

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: Ini berertinya perjuangan itu seolah-olah ada macam apa....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Rakan senegeri bangun. *[Tepuk]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya ingin meminta penjelasan, *[Disampuk]* *[Tepuk]* Terima kasih Yang Berhormat dari Tumpat. Tertarik kepada dua perkara Yang Berhormat bincangkan tadi.

Yang pertamanya soal politik wang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan semasa jawapannya dalam Dewan yang mulia ini, baru-baru ini beberapa hari lepas. Bahawa politik wang ini tidak boleh dilihat dalam konteks UMNO sahaja semata-mata, ianya mesti dipandang dari skop yang luas. Saya ingin tahu, bagaimana kedudukan parti Yang Berhormat, yang memungut wang daripada rakyat setiap kali majlis ceramah diadakan. Boleh dikatakan setiap tempat *[Tepuk]* memungut wang saya rasa jutaan ringgit, dan wang ini tidak pernah diaudit atau tidak ada satu jawatankuasa yang mengaudit ke mana wang ini dibelanjakan, bagaimana wang ini diperolehi dan ini adakah ini tidak termasuk dalam kumpulan politik wang yang juga harus kita banteraskan.

Yang ini lebih teruk lagi kerana yang menderma ialah orang-orang miskin di peringkat kampung, tetapi derma itu tidak diaudit dan tidak diberitahu ke mana ianya dibelanjakan. Pertama.

Yang keduanya, Yang Berhormat bangkitkan tadi masalah rumah murah di Bandaraya Kuala Lumpur. Sepatutnya Yang Berhormat, saya rasa yang penting sekarang soal di Kelantan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat, cuba beritahu kepada Dewan ini, sejak Kerajaan PAS mengambil alih Kelantan selama 6 tahun, cuba beritahu kepada Dewan Rakyat ini berapa unit rumah murah sudah dibuat untuk rakyat negeri Kelantan? Cuba beritahu secara ikhlas. Janganlah kita melihat soal kenaikan RM25,000 di Kuala Lumpur kepada RM30,000 dijadikan suatu isu besar. Tanggungjawab kerajaan negeri sekarang. Sejak tahun 1990 hingga sekarang....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini bersyarah. Ini bukan bertanya, Tuan Yang di-Pertua. Bukan bertanya, Yang Berhormat.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:berapa ribu unit rumah murah telah diberi kepada rakyat negeri Kelantan? Itu saya ingin bertanya. Cuba beritahu berapa unit rumah murah sudah dibuat kepada rakyat negeri Kelantan? Cuba beritahu kepada Dewan!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Kelantan sudah beberapa kali membuat permohonan kepada Kerajaan Pusat. Saya hendak beri contoh yang realistik, kawasan saya di Tumpat, kerajaan telah meluluskan untuk membuat projek rumah murah. Tanah telah pun kita luluskan - saya Ahli Jawatankuasa Tanah Jajahan. Sudah 3 tahun kita luluskan tapak itu, tetapi duit yang disanggupkan sampai sekarang belum dikirim kepada Majlis Daerah Tumpat! Apakah Yang Berhormat tahu?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
[Bangun]

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Duduk dahulu. Ini bukan masa dia. Dia boleh berucap nanti!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Macam P. Ramlee! [Ketawa]

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dia tahukah? Yan, apa dia tahu? Saya tak perlu beritahu. Dia tidak tahu, dia duduk di Kedah, apa dia tahu? Ini sebagai contoh kecil. Kalau saya buka lebih besar lagi, lagi malu Kerajaan Pusat. Saya hormat juga. Saya sebut yang kecil-kecil; yang besar tak usah sebutlah. Kalau disebut, lagi teruk!

Masalah pungut duit ini, parti PAS ini parti Islam. Saya hendak baca ayat Quran kepada Ahli Yang Berhormat dari Machang. [Sambil membaca ayat Al-Quran] "Zalikum khairullakum" ini artinya dalam Bahasa Inggeris itu, better. "Zalikum khairullakum".

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat kena terangkan maksudnya. [Ketawa] Seperti biasa.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: "In'kuntum ta'lamun":

"Walaupun kamu dalam keadaan susah, walaupun kamu dalam keadaan senang, hendaklah kamu membelanjakan harta benda kamu dan jiwa raga kamu untuk jalan Allah. Itu adalah lebih baik bagimu sekiranya kamu tahu."

Tetapi dia tidak tahu apa! Itu dia maksudnya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
[Bangun]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:
[Bangun]

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, ada tiga orang peminat, Yang Berhormat. Hendak beri siapa itu?

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Beri orang baru pulalah!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Nanti masanya macam mana, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soal masa ini, Tuan Yang di-Pertua? Saya masih ada banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa tetap 20 minit, Yang Berhormat.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Saya tak apa, masa kecederaan!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tak ada Yang Berhormat. Ini keputusan kerusi. Dikekalkan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dan masalah duit yang tidak diaudit. Saya cabar mana-mana yang berkenaan untuk datang ke Pejabat PAS untuk bertanya kepada Pejabat PAS adakah duit itu dimasukkan ke dalam akaun kemasukan dan perbelanjaan?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yang ini sudah. Di sana belum.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Jerlun.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Difahamkan bahawa daripada apa yang Yang Berhormat katakan tadi, sebenarnya inilah taktik PAS, membohongi orang-orang kampung untuk mendapatkan wang. Di dalam perhimpunan selalu menyebutkan "derma ini untuk sabilillah". Jadi, di mana sahaja perjumpaan, yang inilah cara PAS buat. Kemudian, buka songkok, sua dan orang pun derma. Yang kelek anak apa semua, mai dengar ceramah PAS pun "Allah...sabilillah!", derma. Jadi, selepas itu, duit itu dapat dan pemimpin PAS yang pembohong besar ini! Bolehkah macam itu caranya?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tak payah jawablah itu. Soalan budak-budak! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi? Tak ada, bukan?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Gulung dah?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa tidak mengizinkan ya. *[Disampuk]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya akan menggulung. Beri masa.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, dia bangun ni. Machang bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Hendak tanya apa lagi ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa tidak mengizinkan nampaknya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak tanya, tadi Yang Berhormat kata menderma.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya belum gulung lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kena gulung ini. Masa sudah suntuk.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Menteri Kewangan sekali lagi bercakap mengenai pembentukan masyarakat madani. Saya yakin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat tentang pengertian "masyarakat madani" mengikut Ibnu Khaldun.

Dalam buku "*Mukadimah" Ibnu Khaldun: Berbicara Mengenai Kemakmuran Manusia*", menurut beliau, manusia menuju ke arah kemajuan secara semula jadi dan kemajuan itu dihubungkan dengan kemakmuran dan kemewahan hidup. Tabiat manusia yang suka hidup berkumpul akhirnya menggerakkan proses pembentukan bandar atau dalam bahasa Arabnya dipanggil 'Madinah'.

Bandar ataupun Madinah itu menjadi pusat segala aktiviti - perniagaan, institusi pendidikan, pentadbiran dan sebagainya, tetapi ciri yang paling penting dikesampingkan oleh masyarakat moden dalam konteks Madinah adalah keunggulan institusi masjid.

Masjid di zaman awal masyarakat madani di Madinah Munawarah menjadi pusat pentadbiran dan pemerintahan. Ia bukan sekadar menjadi tempat ibadat retual semata-mata, peranan institusi masjid sebagai penjana kekuatan ummah patut terus dipertahankan.

Sehubungan itu, usaha-usaha perlulah dilakukan untuk memakmurkan institusi masjid. Sehubungan itu, PAS menyokong langkah Kementerian Belia dan Sukan dalam mewujudkan program Rakan Masjid. Kita mahu supaya sebahagian peruntukan sejumlah RM60.2 juta yang disalurkan untuk program Rakan Muda disalurkan kepada program Rakan Masjid berbanding program-program yang mengajak para remaja menyanyi, menari dan berkhemah di dalam hutan ataupun berekreasi di tempat-tempat yang sunyi sehingga menyuburkan pergaulan bebas dan aktiviti melampaui batas sosial dan agama.

Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Ingatlah bahawa masyarakat madani dan bertamadun adalah masyarakat yang berakhlak mulia dan berbudi luhur, berpegang teguh kepada prinsip keadilan, mempertahankan yang hak dan menentang kebatilan, berpandukan di atas asas akidah, sentiasa memperjuangkan yang makruf dan mencegah kemungkaran. Faham Yang Berhormat dari Machang? *[Ketawa]* Serta mengamalkan setiap apa yang diperintahkan Allah.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dalam masa cedera boleh bertanya!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:dan menghindari segala larangan. Sebenarnya, apa yang saya siapkan itu banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua, tetapi cukuplah.

Sekian. Saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kluang.

4.19 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas pada petang ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dan keseluruhan jentera Kementerian Kewangan atas kejayaan Kerajaan Persekutuan mencapai satu Belanjawan yang seimbang bagi lima tahun berturut-turut, khasnya pencapaian berlebihan sebanyak RM2.446 bilion dalam akaun keseluruhan Kerajaan Persekutuan.

Belanjawan tahun 1997 bukan sahaja meneruskan usaha memperkukuhkan lagi teras ekonomi negara kita, tetapi juga bertujuan menjamin kesejahteraan rakyat jelata. Belanjawan ini melambangkan prihatin, profesionalisme dan dinamisme pihak kerajaan dalam pengurusan ekonomi negara.

Ekonomi negara kita terus berkembang dan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka mencapai 8.2% pada tahun ini berbanding dengan 9.5% pada tahun lepas.

Seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan tahun 1997, pertumbuhan KDNK yang kukuh ini telah mendatangkan beberapa faedah kepada negara. Ini termasuk peningkatan pendapatan per kapita dari RM10,058 kepada RM11,118 - peningkatan kedudukan kewangan kerajaan dan juga peningkatan taraf pendidikan.

Namun demikian, ekonomi negara kita menghadapi beberapa cabaran. Antara cabaran tersebut ialah pertumbuhan ekonomi negara kita masih bergantung kepada pelaburan, terutamanya pelaburan asing. Walaupun usaha untuk menarik aliran masuk pelaburan asing harus diteruskan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi, perhatian

hendaklah diberikan kepada kepentingan dan kebajikan pekerja-pekerja tempatan yang diupah oleh pelabur asing untuk memastikan pekerja tempatan tidak dieksploitasikan.

Menurut laporan baru-baru ini, terdapat berpuluh-puluh kilang yang ditubuh di Malaysia ini oleh pelabur asing ditutup ataupun berhenti operasi dengan tiba-tiba sahaja. Ini mengakibatkan ramai pekerja terkandas dan ada juga dilaporkan bahawa sesetengah majikan asing yang berkenaan gagal membayar gaji dan faedah lain setelah kilang mereka ditutup. Jadi, keadaan seperti ini harus dicegah dan langkah-langkah yang efektif harus diambil untuk melindungi hak dan kepentingan pekerja tempatan. Selain daripada itu tindakan wajar harus juga diambil terhadap pelabur asing yang tidak bertanggungjawab ini.

Tuan Yang di-Pertua, penekanan berterusan pihak kerajaan kepada sektor pendidikan dan latihan sumber manusia dalam Belanjawan 1997 amat menggalakkan. Peruntukan bagi sektor pendidikan dan latihan tenaga kerja sebanyak RM13.2 bilion daripada jumlah peruntukan sebanyak RM59 bilion dalam Belanjawan tahun 1997 merupakan salah satu peruntukan yang terbesar.

Ini mencerminkan kesungguhan dan keutamaan kerajaan terhadap pembangunan sumber manusia sebagai teras kemajuan dan pembangunan negara. Peruntukan ini bertujuan membiayai pelbagai program pendidikan termasuk pembinaan sekolah dan politeknik. Dalam hal ini saya ingin merayu kepada pihak kerajaan supaya juga dapat menimbang iaitu lebih banyak sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina)- SRJK(C) dibina khususnya di kawasan bandar untuk mengatasi kesesakan yang dialami oleh SRJK(C) di bandar akibat pertambahan bilangan penduduk.

Peruntukan sebanyak RM100 juta untuk melancarkan Dana Pendidikan Tinggi bertujuan membantu murid-murid miskin melanjutkan pelajaran mereka ke institut pengajian tinggi memang satu langkah yang tepat pada masanya memandangkan reformasi pendidikan dan perubahan sosial ekonomi sedang berlaku di negara kita.

Sementara ini adalah diharapkan lebih usaha diambil untuk mengurangkan bilangan pelajar Malaysia yang belajar di luar negara. Pendidikan

merupakan salah satu punca aliran keluar pertukaran wang asing negara dan dianggarkan kira-kira 62,000 orang pelajar Malaysia yang belajar di luar negara pada tahun 1995 dan perbelanjaan bagi pendidikan di luar negara juga meningkat kepada lebih kurang RM2 bilion, kalau tidak salah saya, pada tahun lalu. Jadi, aliran keluar pertukaran wang asing ini juga secara tidak langsung menyebabkan defisit imbangan pembayaran. Jadi, usaha untuk mengurangkan defisit imbangan pembayaran akan terjejas jika ramai pelajar Malaysia masih belajar di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, bidang penyelidikan dan pembangunan (P&P) atau (R&D) amat penting bagi menjamin pertumbuhan ekonomi dan industri mampan. Walaupun negara kita sedang giat berusaha mencapai taraf negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020, tahap kemajuan negara kita di dalam bidang sains dan teknologi masih ketinggalan jika dibandingkan dengan beberapa negara jiran ataupun negara maju. Oleh itu peruntukan sebanyak RM721.4 juta bagi melaksanakan rancangan tindakan pembangunan teknologi dan pengumuman kerajaan tentang perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat PMP yang diluluskan, tidak dikenakan cukai perkhidmatan amatlah dialu-alukan.

Selain dari itu, usaha harus diperhebatkan untuk menanam minat rakyat khususnya pelajar-pelajar terhadap sains dan teknologi supaya kemajuan negara dalam bidang ini sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dan membantu mewujudkan teknologi tempatan. Pada masa sekarang, negara sedang bergerak maju ke arah era teknologi maklumat supaya negara menjadi salah satu kuasa utama dalam bidang ini. Jadi, untuk memperluaskan lagi ilmu teknologi maklumat, adalah disarankan supaya kemudahan multimedia dan Internet diperkenalkan di kawasan-kawasan luar bandar demi mewujudkan sebuah masyarakat yang berpengetahuan teknologi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merupakan asas perindustrian di mana-mana negara maju. Pertumbuhan IKS juga akan merangsang bagi mengurangkan penggantungan yang berlebihan kepada import barang-barang perantaraan. Langkah-langkah yang dicadangkan di dalam Belanjawan tahun 1997 seperti syarikat besar mencadangkan pengauditan kilang, melatih pekerja dan menguji keluaran IKS dibenarkan sebagai potongan bagi maksud cukai dan juga termasuk potongan atau pengecualian cukai bagi IKS demi menggalakkan pembangunan

IKS yang melambangkan pengiktirafan kerajaan tentang pentingnya peranan yang dimainkan oleh IKS dalam proses perindustrian dan pembangunan negara.

Jadi, walaupun pelbagai program dan bantuan telah disediakan untuk membangunkan lagi IKS sebagai sektor ekonomi yang penting, ramai pengusaha IKS masih tidak tahu ataupun sedar akan program dan bantuan tersebut. Oleh itu saya mencadangkan supaya pihak yang berkenaan khususnya Perbadanan Pembangunan IKS (The Small And Medium Scale Industry Development Cooperation) dapat meningkatkan kesedaran tentang program dan bantuan tersebut di kalangan pengusaha IKS menerusi kempen publisiti dan media dalam pelbagai bahasa utama.

Tuan Yang di-Pertua, tonggak kekuatan belia hari ini sebagai benteng ketahanan negara. Sejumlah RM232.5 juta telah pun diperuntukkan bagi Kementerian Belia dan Sukan dan sejumlah RM60.2 juta disediakan untuk melaksanakan Program-program Rakan Muda supaya dapat membanteras gejala sosial yang tidak diinginkan di kalangan remaja kita. Jadi, selain daripada itu kita harus mengambil perhatian yang serius terhadap laporan yang mengatakan bahawa hampir 6,000 pertubuhan belia peringkat bawahan ataupun cawangan yang tidak aktif.

Kementerian Belia dan Sukan harus mempertingkatkan pertubuhan belia peringkat nasional (kebangsaan) supaya membantu, membimbing cawangan-cawangan ini dengan menentukan agenda dan garis panduan serta aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan membina untuk diikuti oleh mereka. Pertubuhan belia peringkat cawangan pula harus mengirimkan laporan pada setiap tahun kepada pertubuhan pusat dan pertubuhan peringkat pusat harus bertindak jika terdapat mana-mana cawangan yang tidak bergerak secara aktif kerana ia mungkin bermakna cawangan berkenaan menghadapi sesuatu masalah.

Masalah sosial dihadapi oleh kaum belia, memang ada kaitan dengan kemerosotan institusi keluarga. Institusi keluarga merupakan teras nilai moral dan pembentukan personaliti seseorang. Jadi, kebanyakan gejala sosial yang dihadapi pada hari ini adalah berpunca daripada keruntuhan institusi keluarga ataupun konsep kekeluargaan. Kita berasa amat bangga kerana kerajaan mengambil berat masalah ini seperti mana ditunjukkan oleh peruntukkan sebanyak RM50 juta dalam Belanjawan 1997 untuk mencergas semula institusi keluarga. Satu lagi langkah yang amat wajar ialah

cadangan program kesihatan untuk warga tua, serentak dengan konsep masyarakat penyayang dan nilai kekeluargaan.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi yang kukuh dengan kadar inflasi yang tinggi tidak akan mendatangkan faedah sebenarnya kepada rakyat. Oleh itu langkah-langkah yang dicadangkan dalam Belanjawan untuk mencegah tekanan inflasi amat munasabah. Di antara langkah yang disebut ialah cadangan mengenakan cukai perkhidmatan sebanyak RM50 setahun atas semua jenis kad kredit dan cadangan ini bertujuan menanam tabiat menjimat dan menghapuskan sikap membazir dan untuk meningkatkan keberkesanan cukai perkhidmatan tersebut, saya sebenarnya ingin mencadangkan supaya had kelayakan memohon kad kredit juga hendaklah diketatkan daripada tahap sekarang dan selain daripada itu pinjaman kredit (credit line) yang diberi oleh syarikat ataupun institusi kewangan kepada pemegang kad harus juga dihadkan supaya kemudahan kad kredit tidak dijadikan sejenis instrument pinjaman.

Di samping itu, pihak berkuasa harus juga mengambil perhatian yang serius bahawa kadar tunggakan ataupun 'delinquency rates' kad kredit di Malaysia mungkin telah dikatakan tertinggi di dunia, iaitu sebanyak 12% ataupun dua kali lebih tinggi daripada kadar purata sedunia. Jadi, tindakan tegas harus diambil supaya kemudahan kad kredit ini tidak disalahgunakan oleh pengeluar kad ataupun pemegang kad.

Tuan Yang di-Pertua, kualiti perkhidmatan kesihatan rakyat merupakan salah satu agenda sosial utama kerajaan. Usaha kerajaan menjaga kesihatan rakyat kini disempurnakan oleh pembinaan hospital-hospital swasta. Cadangan kerajaan memansuhkan cukai perkhidmatan rawatan perubatan di hospital swasta bertujuan meringankan beban kewangan para pesakit. Di samping itu, cadangan mewajibkan hospital swasta mewujudkan tabung khas dan kemudahan perubatan yang mampu dibayar oleh pesakit berpendapatan sederhana dan rendah amat dialu-alukan.

Sepertimana dimaklumkan umum, kebanyakan hospital swasta yang muncul baru-baru ini dimiliki oleh konsortium besar dan syarikat awam tersenarai dalam bursa saham. Dan tidak boleh dinafikan bahawa sepertimana badan-badan komersil yang lain, hospital swasta juga berusaha untuk mencapai keuntungan bagi pemegang saham. Namun demikian, hospital swasta harus juga diingatkan bahawa mereka tidak seharusnya mencari

keuntungan semata-mata. Sebaliknya mereka mempunyai kewajiban sosial sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dan prihatin kepada kehendak masyarakat. Satu kenyataan yang kita mesti hadapi ialah kos perubatan di kebanyakan hospital swasta pada hari ini semakin melambung sehingga membebankan pesakit yang tidak mampu dibayar oleh golongan berpendapatan sederhana. Oleh yang demikian, pihak kerajaan harus juga mengawasi struktur yuran hospital swasta supaya hospital swasta tidak menjadi kelab eksklusif yang dihadkan semata-mata untuk orang kaya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, ingin juga saya menyentuh satu perkara mengenai Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia, iaitu di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sebelum ini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh anggota Perkhidmatan Bomba kerana sentiasa bersedia dan sanggup bergadai nyawa bagi menyelamatkan jiwa dan harta benda rakyat apabila berlaku satu kebakaran. Pengorbanan yang diberikan oleh anggota bomba sememangnya amat dihargai dan disanjung.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan baru-baru ini, iaitu berkuat-kuasa mulai 1hb. Jun, 1996 Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia telah mengenakan caj kepada semua pemohon lesen premis perniagaan seperti gerai, restoran, pejabat dan lain-lain lagi bagi setiap pemeriksaan ataupun ujian yang diperlukan dari pihak Jabatan Perkhidmatan Bomba. Secara umumnya setiap permohonan dikenakan caj mengikut jenis pemeriksaan jarak premis, penggunaan kenderaan jabatan dan sebagainya. Jadi, pada pandangan saya, pelaksanaan caj ini menimbulkan masalah bukan sahaja membebankan permohonan ataupun pemohon, malah juga tidak sesuai digunakan, kerana bila sesuatu lesen premis dimajukan kepada majlis-majlis daerah, ia harus melalui banyak jabatan selain daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Apa yang menjadi kebimbangan orang ramai, jika setiap jabatan yang terlibat mengikut langkah yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba, maka bagi satu lesen yang mereka mohon, mereka mungkin membayar RM50.00 atau lebih daripada RM50.00 pada satu jabatan. Jadi, ini akan membebankan pemohon lesen tersebut. Maka dengan ini saya meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya dapat mengkaji dan

menimbang semula perkara ini. Saya percaya, saya akan mendapat jawapan yang menggalakkan selepas jawapan dari Yang Berhormat Menteri.

Jadi, itu sajalah perkara-perkara yang dapat saya sentuhkan pada petang ini. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih, dan dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kangar.

4.36 ptg.

Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan sukacitanya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1997. Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa saya datang daripada kawasan penanam padi. Jadi, tak cukup sifat saya hari ini kalau saya tak bercakap fasal padi. Padi merupakan tanaman yang cukup istimewa, kerana ia merupakan makanan ruji bagi rakyat Malaysia dan merupakan tanaman yang beranak dahulu bunting kemudian. Inilah yang dikatakan tanaman padi.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan pesawah-pesawah padi di negara ini sangat berasa lega kerana mendapat bantuan baja di bawah Skim Subsidi Baja Padi (SSDP) di bawah Kementerian Pertanian yang dilancarkan sejak 1979 dengan tujuan membantu pesawah-pesawah dalam usaha meningkatkan pengeluaran padi, di mana beras menjadi makanan asasi kita, dengan tujuan untuk mengurangkan kadar import beras selaras dengan Dasar Pertanian Negara. Kita dapati bahawa sejumlah RM4.95 juta telah pun dibelanjakan di bawah skim ini dari tempoh 1991 sampai 1995. Bantuan baja ini diberikan kepada semua pesawah yang berdaftar, iaitu yang mempunyai keluasan sawah di antara 0.25 ekar sehingga 6 ekar. Walau bagaimanapun, petani-petani kita dianggap miskin sekalipun mempunyai 6 ekar, masih perlu diberi bantuan.

Bagi kebanyakan kawasan seperti kawasan MADA misalnya mendapat peruntukan bantuan subsidi ini satu kampil baja urea dan 3 kampil baja campuran bagi setiap ekar. Manakala bagi kawasan-kawasan yang bukan MADA, setiap ekar diperuntukan 2 kampil baja urea dan 4 kampil baja campuran. Tumpat pun dapat nikmat juga, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tumpat bangun.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Dia hendak keluar. Terima kasih. Saya ingat dia hendak keluar. Masa saya singkat, Tuan Yang di-Pertua. Saya sajalah ceritakan Tumpat....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kalau tak beri laluan, teruskan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, Walau bagaimanapun, saya tertarik dengan pandangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan baru-baru ini yang menyarankan bahawa bantuan kepada petani-petani sepatutnya disalurkan terus kepada mereka. Hal ini saya tertanya-tanya kenapa dan mesti ada sebabnya.

Tuan Yang di-Pertua, setelah diteliti sungguhpun Skim Bantuan Baja ini murni tujuannya, dan kita tidak nafi pesawah-pesawah kita telah pun mendapat nikmat, tetapi setakat mana skim ini menepati tujuannya. Jadi, perlulah kita beri satu fokus yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, pesawah-pesawah di kawasan saya termasuk kawasan-kawasan rakan yang lain dari MADA dan juga kawasan IADP dan kawasan tanaman padi yang lain, bahawa bekalan baja untuk mereka ada yang didapati tidak kena. Yang ini ditimbulkan rungutan oleh petani-petani kita. Rupa-rupanya menurut laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 1995, baja untuk pesawah-pesawah kita malang sekali kerana dibekal selepas tarikh tabur baja yang sepatutnya disempurnakan oleh pesawah-pesawah.

Hal inilah yang merunsingkan pesawah-pesawah kita. Mengikut Laporan Ketua Audit Negara, kajian yang dijalankan dari bulan April hingga September, 1995, didapati 15 daripada 18 PPK yang dilawati oleh pihak Audit didapati sah lewat terima bekalan baja daripada pembekal utamanya iaitu NAFAS.

Tuan Yang di-Pertua, bekalan itu diterima selepas tarikh tabur baja yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian. Sejumlah 101,298 kampil baja urea lewat dibekalkan antara 11 hingga 157 hari. Manakala 397,350 kampil baja campuran pula hanya dibekalkan antara 11 hingga 180 hari selepas tarikh tabur baja yang sepatutnya dijalankan pada musim pertama 1994 dan musim pertama 1995.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jernun bangun.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Ya, sila.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Sahabat saya daripada Kangar, bolehkah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan daripada ucapan Yang Berhormat tadi bahawa peruntukan untuk Kementerian Pertanian ini ialah RM1,000 juta dan RM400 juta adalah untuk perbelanjaan membayar subsidi padi dan RM100 juta lagi adalah untuk perbelanjaan membayar subsidi baja. Manakala yang selebihnya - RM500 juta lagi itu adalah untuk membiayai perbelanjaan kepada 26 agensi di bawah Kementerian Pertanian. Jadi, Kementerian Pertanian ini terlalu banyak agensi. Dalam banyak agensi macam itu pun rakyat (petani) masih juga susah hendak mendapat baja. Maka, bolehkah Yang Berhormat bersetuju supaya kerajaan kaji semua struktur agensi yang banyak dalam Kementerian Pertanian ini supaya duit itu dapat diberi terus bagi membantu petani-petani itu. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat setujulah dengan cadangan daripada Yang Berhormat Jerlun. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Jerlun tadi, nampaknya agensi itu kuat, agensi itu kaya. Yang lemah dan miskin adalah petani, jadi, sepatutnya bantuan ini sampai terus kepada petani. Itu menjadi harapan kami daripada kawasan-kawasan yang ditanam padi, termasuk saya dan Jerlun, termasuk Yang Berhormat dari Padang Besar - dia senyum tetapi dia tidak boleh bercakap. Yan pun setuju, ya! Jadi, kalau saya masuk Majlis Tertinggi di masa depan kena bantu sayalah. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, apabila baja lewat, apa guna lagi petani hendak terima baja. Ibarat kata 'apabila ibu sudah bersalin, baru sampai bidan'. Jadi, tidak ada apa erti lagi. Jadi, teguran ini dibuat supaya Kementerian Pertanian tidak mengulang lagi perkara-perkara sebegini. Jadi, teguran ini ialah untuk membela semua pihak termasuk petani-petani dan juga kami wakil-wakil rakyat daripada kawasan tanaman padi. Jikalau bekalannya mengikut ketepatan masa, kami rasa lega banyak.

Tuan Noh bin Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Sila. Nampaknya tidak habislah ucapan saya.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, yang dia tanya hak Kedah sahaja, Selangor pun ada, Sabak Bernam dan Tanjong Karang - 100% sawah

padi. Jadi, saya hendak bertanya pendapat Yang Berhormat Kangar, andai kata baja ini dihantar dalam masa yang tepat, adakah pihak petani berpuashati dengan peruntukan beberapa kimpit yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi. Adakah bantuan baja itu mencukupi pada hari ini untuk kegunaan kepada petani memandangkan juga harga racun naik berlipat-ganda pada hari ini?

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kalau dikaji kesuburan tanah yang semakin kurang hari ini, ini patut dikaji semula dan saya rasa kadar yang dibekalkan sebagai bantuan kepada petani-petani itu memang tidak cukup dan kita dapati bahawa dengan subsidi baja itu pun, barangkali, pendapatan petani tidak kemana juga. Sebab itulah di sini, saya mintalah supaya kerajaan mengkaji semula tahap subsidi padi dan harga padi yang ada pada hari ini. Tambah-tambah lagi, barangkali Yang Berhormat Tanjong Karang pun setuju dengan saya bahawa pada masa dahulu bila kita tanam padi orang tua-tua selalu pesan "*jangan tanam padi sampai jual padi beli beras*" - bererti itu tanda susah, tidak pandai mengurus.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi sekarang sudah terbalik, orang sekarang, bila tanam padi, penanam padi sendiri "*tanam padi dan beli beras*" - dunia sudah terbalik dan keadaan sudah terbalik. Bermakna petani itu susah dan kita dapati bahawa petani hari ini, yang tanam padi, tetapi makan beras yang cukup lekeh, beras yang berkualiti rendah kerana harga beras makin meningkat, manakala harga padi tidak meningkat dan subsidi padi sudah lama tidak dikaji semula.

Saya teringat satu masa dahulu apabila subsidi padi diisytiharkan oleh kerajaan, Allahyarham Yang Berhormat dari Parlimen Kangar berpuasa 2 hari, bersyukur kerana subsidi padi naik 2 hari. Barangkali tahun ini atau masa ini, kalau dikaji semula dan subsidi naik, barangkali rakan saya daripada Padang Besar akan berpuasa seminggu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, inilah masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani kita. Begitu juga tentang kualiti baja yang dibekalkan. Sudahlah tidak tepat masa, kita dapati kualiti juga tidak tepat. Misalnya, cara menyimpan pun tidak betul. Ada yang disimpan di tempat-tempat yang terdedah yang tidak menjamin keselamatan baja dan kualiti baja itu sendiri dan kita dapati baja-baja ini walaupun lewat dan kualitinya turun, terpaksa diedarkan juga kepada pesawah-pesawah. Bagi NAFAS, sepatutnya dikenakan denda kerana tidak menepati masa dan juga spesifikasi mutu - boleh

dikenakan denda, tetapi tidak dikenakan denda oleh Kementerian Pertanian. Ini mungkin boleh diambil tindakan supaya NAFAS lebih serius dalam urusan mereka. Jadi, NAFAS juga patut faham bahawa dalam perniagaan ini, bagi orang yang berniaga, dengan izin, 'time is money' dan 'speed is profit'. Inilah perkara yang penting dalam sektor pertanian ini.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu, di samping pengurusan baja yang tidak betul, kita dapati juga bahawa dari segi - kalau tadi saya bercakap fasal padi, tidak lengkap kalau saya tidak bercakap fasal ikan, sebab padi dan ikan kena pergi sekali - nasi dan lauk kena sekali. Yang Berhormat Larut pun ada sampuk mengenai perkara ini. Jadi, pada masa ini kita dapati sejumlah kira-kira 80,000 nelayan, termasuk dalam kawasan Parlimen Kangar dari Kuala Perlis - ada 80,000 nelayan dan yang menjadi ahli persatuan nelayan adalah kira-kira 53,140 orang sahaja iaitu 60% daripada keseluruhan nelayan di negara ini yang menjadi ahli persatuan. Saya hendak tanya, mana pergi 27,000 orang lagi? Iaitu yang 40%. Sepatutnya, nelayan-nelayan mesti digalakkan bersatu kerana kita dapati di negara ini ada kira-kira 70 buah persatuan nelayan kawasan dan 11 persatuan nelayan negeri dan satu induknya iaitu NIKMAT iaitu Pertubuhan Nelayan Kebangsaan pada peringkat kebangsaan dan kita dapati NIKMAT mempunyai 15 projek ekonomi setakat ini yang bernilai lebih kurang RM50.941 juta. Projek ini besar, tetapi saya hendak tanya, setakat manakah kemampuan persatuan-persatuan nelayan ini menyatukan seluruh nelayan dan setakat mana pula mampu untuk menyelamatkan nelayan-nelayan yang ada di negara ini lari daripada kemiskinan?

Ini perkara yang cukup penting kerana banyak perkara yang tidak sampai kepada nelayan di peringkat bawah, misalnya, Skim Pinjaman Khas Pertanian. Ada nelayan yang tidak tahu apa itu SPKP (Skim Pinjaman Khas Pertanian) yang boleh membantu nelayan. Samalah dengan 3F (Fund for Food) bukan Food for Fund - 3F ini ada yang tidak tahu.

Jadi, masalah ini patut diberi penerangan sampai kepada peringkat bawah dan nelayan kita patutlah dipertingkatkan lagi maklumat ini dan juga diberi motivasi. Harus disedari juga bahawa peranan mereka amat penting dalam negara ini kerana negara ini sentiasa menggunakan ikan dari semasa ke semasa, kerana kita dapat faham bahawa kadar penggunaan ikan pada tahun 1995 adalah pada kadar

44 kilogram bagi seorang setahun dan angka ini pada tahun 2000 akan jadi 52 kilogram seorang setahun. Dan pada tahun 2010 manusia makan lagi banyak ikan pada kadar 60 kilogram seorang setahun, kalau kita ubah kepada sistem lama satu pikul setahun.

Jadi, nelayan patut dipertingkatkan kemampuan dan kebolehan mereka untuk menangkap ikan dan kita perlu dedahkan kepada teknologi tinggi. Setakat ini kita dapati nelayan-nelayan kita banyak lagi yang masih menggunakan sampan-sampan kecil. Jadi, kita dekatkanlah pendekatan baru kepada nelayan-nelayan kita - pendekatan komersial sepertimana biarlah mereka melampauai sampai ke zon ekonomi eksklusif ataupun ZEE. Setakat ini, berapa kerat sangat nelayan kita yang menjadi usahawan, yang mampu mengendalikan kerja-kerja menangkap ikan di laut dalam?

Kita masih perlu ikan yang banyak, jadi, tidak hairanlah kalau kita mengeluarkan wang yang banyak kerana kita mengimport ikan dari luar. Dalam bidang pertanian ini lagi, berkaitan dengan ikan, sukacita saya minta supaya Kementerian Pertanian mengambil perhatian tentang penggunaan 'formaldehyde' yang didapati digunakan dalam perusahaan perikanan ini. Formaldehyde ini digunakan untuk mengeraskan mayat, dan digunakan untuk mengeraskan ikan. Kadang-kadang saya teringat, bila makan ikan macam rasa tak lalu pun ada, teringat macam bila ambil ikan itu keras macam makan mayat. [Ketawa] Yang ini patut kita ambil perhatian.

Begitu juga tentang pengharaman nitrofurantoin. Nitrofurantoin dalam makanan ayam, ternakan ayam masih lagi diamalkan dan nitrofurantoin ini pun saya dapat faham kata ada kesan sampingan, tambah-tambah lagi untuk lelaki. Kadang-kadang bila balik di rumah, didapati ada masakan ayam, saya pun kadang-kadang rasa ragu-ragu untuk makan.

Jadi, kita patut telitilah, barangkali Ahli Yang Berhormat dari Bagan walaupun dari pembangkang nampak dia ketawa, bersetuju dengan saya itu. Bila bersetuju bererti dia hendak masuk Barisan Nasional la itu, hendak tinggalkan DAP. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap fasal pesawah dan juga fasal nelayan, semua ini orang luar bandar. Jadi, sukalah saya hendak sentuh tentang Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kerana orang-orang luar bandar baik pesawah, baik petani ataupun baik nelayan, mereka mempunyai potensi untuk dibangunkan.

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat, Bagan bangun.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Nampak rakan saya dari Bagan bangun. Sila!

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar sebelum dia pergi kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, berkenaan dengan nelayan. Hari itu, saya ada membangkitkan satu soalan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa nelayan seperti Perlis ini keluasan negeri Perlis ini sangat kecil, jadi, sempadan laut di negeri Perlis pun sangat terhad. Saya pernah bertanya kepada Ahli Yang Berhormat sama ada Ahli Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan saya bahawa kita sama-sama memohon kepada kementerian supaya nelayan di negeri Perlis boleh melangkaui ke sempadan Kedah ataupun dari Pulau Pinang boleh pergi ke Kedah, pergi ke utara Perak untuk mencari ikan. Bolehkah Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak galakkan rakan-rakan nelayan saya dari Perlis masuk ke Kedah atau Pulau Pinang, sebab melanggar kawasan, di sana pun telah padat. Apa yang saya hendak galakkan supaya nelayan-nelayan dari Perlis masuk ke zon ekonomi eksklusif, melampaui zon ini dalam laut dalam, saya ingat dengan cara begini, nelayan kita akan menjadi lebih kaya dan tak akan terus miskin. Kalau terus macam ini, mereka akan terus miskin.

Jadi, saya membawa vision, dengan izin, supaya nelayan-nelayan dalam kawasan Parlimen Kangar, lebih kaya daripada nelayan dalam kawasan Parlimen Bagan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung ya! [*Ketawa*]

Tuan Md. Isa bin Sabu: Ya?

Seorang Ahli: Gulung!

Tuan Md. Isa bin Sabu: Sila gulung! Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, jadi, petani dan juga nelayan ini datang dari luar bandar, jadi saya mintalah supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar mempercepatkan infrastruktur luar bandar, terutama jalan sudah berlubang, becak dan sebagainya dan dari satu segi bahawa orang-orang luar bandar ini pun mampu dibangunkan terutama sekali dalam sektor industri kecil.

Walau bagaimanapun, saya berharaplah supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini

bersungguh-sungguh dalam membantu orang-orang luar bandar, kerana dalam industri luar bandar, kita dapati kementerian ini dapat dikesan oleh Ketua Audit Negara pada tahun 1995 didapati 236 buah mesin bernilai RM3.15 juta tidak dapat digunakan, ditinggalkan terbengkalai di premis-premis pengusaha atas pelbagai alasan.

Jadi, dimintalah supaya mengambil langkah-langkah yang berkesan dan apabila membantu pihak yang kita yakin bahawa ia ada potensi untuk dibangunkan. Sungguhpun kita dapati kementerian ini ada melantik sebuah syarikat iaitu Nasco Trading Sdn. Berhad untuk memasarkan bahan-bahan luar bandar, tetapi nampaknya kurang berjaya setakat ini, dengan peruntukan yang begitu banyak iaitu RM3 juta sebagai pelancaran dan RM676,000 sebagai galakan promosi, tetapi nampaknya cuma 5% sahaja daripada pengusaha makanan yang mampu mendapat perkhidmatan dari Syarikat Nasco ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi keselamatan jalan raya, saya mintalah supaya diambil tindakan tegas dan teliti supaya kita dapat kurangkan kejadian kemalangan jalan raya, kerana baru-baru ini di Perlis, di negeri saya yang kecil itu pun, pada 19hb. Oktober, 1996 sekali mati lima orang penunggang motosikal berlanggar dengan lori. Itu negeri kecil, tak kira negeri besar lagi.

Jadi, di jalan raya ini pun ada kalanya kalau laju sangat, seolah-olahnya mereka membawa 'ketul ais', hendak kena laju, kalau slow ketul ais itu akan cair, takut ketul ais itu cair, dia kena jalan cepat. Ada setengahnya slow sangat pula, macam bawa 'kuah gulai' kalau laju tumpah kuah gulai. Inilah yang menjadi masalah. Kita kena control dan kita dapati pula di highway misalnya, ada tempat yang 110 kilometer satu jam, ada pula tempat yang 90 kilometer satu jam dan di Hosba, dekat Changloon 55 kilometer satu jam. Bila ditanya, dia kata: "Di situ bukan highway". Tetapi saya masuk kena bayar tol. Tetapi dia kata bukan highway, di situ 55 kilometer satu jam.

Saya tak kena speed trap, tetapi kawan saya kena. Sebab 55 kilometer, dia tak begitu perasan sangat. Jadi, hal inilah kita minta supaya diambil tindakan supaya semua pihak selesa dan selamat.

Masa saya ada lagikah, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk!

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon jasa baik daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar supaya dapat mempertingkatkan kualiti dan sebagainya dari segi produk barangan untuk kita masuk ke market antarabangsa dan Tuan Yang di-Pertua, nampaknya semuanya bangun, jadi, sekian ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali gus saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, nampaknya masih ada lagi parti yang belum diberikan peluang untuk berucap. Gaya.

4.58 ptg.

Tuan Philip Yong Chew Lip [Gaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di atas usaha beliau yang gigih untuk menghasilkan cadangan Belanjawan 1997 yang mengandungi langkah-langkah baru untuk meneguhkan institusi keluarga, meningkatkan taraf kehidupan serta membangunkan industri perkhidmatan kawasan negara.

Di dalam Belanjawan 1997, beberapa aspek yang dititikberatkan iaitu kerajaan menubuhkan syarikat perumahan negara yang bertujuan untuk memantapkan program pembangunan perumahan kos rendah dan sederhana.

Dengan adanya program ini, maka saya berasa masalah penduduk berpendapatan sederhana akan mudah memiliki rumah sendiri. Gerakan untuk syarikat-syarikat multi-nasional dan industri-industri kecil dan sederhana untuk menyertai dalam skim-skim rantaian perindustrian. Saya yakin program ini akan dapat meningkatkan pelaburan khususnya dalam perkembangan industri di Sabah yang kini ingin memperkembangkan sektor perindustrian sebagai punca ekonomi negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, program pembasmian kemiskinan mendapat RM2.4 bilion, saya amat gembira dengan cadangan peruntukan tersebut untuk mengatasi kemiskinan di negara kita. Saya berharap Kerajaan Persekutuan dapat mempertimbangkan keadaan kadar kemiskinan yang sangat tinggi di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negeri Sabah merupakan negeri yang kaya dengan pelbagai sumber alam tetapi malangnya negeri ini adalah sebuah negeri yang mana kadar kemiskinan tertinggi di Malaysia. Berdasarkan sumber daripada Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri

pada tahun lalu, didapati seramai 764,000 keluarga adalah di bawah paras kadar kemiskinan. Walhal, daripada perangkaannya tersebut, seramai 16,700 keluarga adalah terletak di golongan yang termiskin. Secara keseluruhannya, kadar kemiskinan di Sabah adalah mencatatkan 22.6% sedangkan kadar kemiskinan negara kita hanyalah 8.9%. Di samping itu, peratus keluarga yang termiskin mencapai 4.9% sedangkan di seluruh negara kita hanya 2.1% sahaja.

Justeru itu, saya berharap Kerajaan Persekutuan akan mengambil berat tentang masalah kemiskinan yang tinggi di Sabah dengan melaksanakan pelbagai program untuk membasmi kemiskinan yang melanda negeri ini. Ini adalah penting supaya membolehkan penduduk Sabah dapat bersaing dengan negeri yang lain di dalam abad ke-21.

Program yang dimaksudkan ini adalah merangkumi program pembangunan ekonomi, program pembangunan insan, program latihan dan kemahiran serta pembangunan pendidikan. Kerajaan Persekutuan seharusnya memberikan bantuan yang lebih banyak supaya dapat melaksanakan program-program tersebut dengan secara berkesan dan membawa faedah kepada penduduk Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pendatang tanpa izin telah menjadikan masalah utama dan masalah sosial yang serius di negeri Sabah selama ini. Berdasarkan perangkaan tidak rasmi di Sabah, terdapat lebih kurang setengah juta pendatang tanpa izin yang mendiami negeri ini secara haram. Sebenarnya, masalah ini adalah dilanjutkan daripada keadaan huru-hara di bahagian selatan Filipina pada tahun 1970-an. Keadaan huru-hara telah mengakibatkan mereka melarikan diri ke Sabah, seterusnya lebih ramai pendatang tanpa izin memasuki ke negeri Sabah secara haram dan kini Sabah telah menjadikan negeri yang mempunyai bilangan pendatang tanpa izin tertinggi di negara kita. Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah berusaha mengatasi masalah tersebut dengan merencanakan yang dilaksanakan oleh Pasukan Petugas Khas iaitu menghantar pulang pendatang tanpa izin yang ditangkap dalam operasi penangkapan. Akan tetapi, pendatang tanpa izin tersebut akan kembali ke Sabah dengan mudah dan dalam jangka masa yang pendek sahaja.

Ini adalah disebabkan faktor geografi dan peluang pekerjaan membolehkan laluan kepada pendatang tanpa izin kembali ke negeri ini. Justeru itu, adalah diharapkan dengan penubuhan kawasan pertumbuhan Asean Timur, pembangunan ekonomi yang pesat di bahagian selatan Filipina akan

menarik minat pendatang tanpa izin, tersebut kembali ke negara asalnya. Berikut dengan perdamaian yang ditandatangani antara Kerajaan Filipina di bawah Presiden Fidel Ramos dan Ketua Pembebasan Moro, peluang untuk menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin di Sabah adalah semakin cerah. Saya berharap perdamaian yang telah dicapai di antara Ketua Pembebasan Moro dan Kerajaan Filipina dapat membantu dalam menangani masalah pendatang tanpa izin di Sabah yang telah menjadi masalah utama selama ini.

Malahan saya merayu agar hubungan yang erat di antara Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dapat mengadakan perbincangan dua hala dan mengambil langkah yang lebih positif untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin yang telah melanda negeri Sabah selama ini.

Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan membina strategi dan akan menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin semasa melawat Sabah pada 22hb. September 1996 merupakan satu petanda yang jujur dan ikhlas daripada Kerajaan Persekutuan dalam hal ini. Semoga dengan adanya hubungan yang baik di antara Kerajaan Sabah dan Kerajaan Persekutuan, masalah pendatang tanpa izin yang serius ini dapat diselesaikan dalam masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah mengumumkan kerajaan akan mempertimbangkan memberikan potongan cukai sebagai ganjaran kepada syarikat yang menyediakan tempat kediaman kepada pekerja. Pengumuman ini merupakan suatu berita yang baik kepada Sabah, kerana langkah ini akan menggalakkan lebih banyak syarikat akan menyediakan tempat kediaman kepada pekerja dan seterusnya menyelesaikan masalah tempat tinggal pekerja di negeri ini. Masalah rumah haram merupakan masalah yang serius di sekitar Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Semporna dan Lahat Datu. Rumah haram di negeri ini merupakan bukanlah hanya dimiliki oleh pendatang tanpa izin sahaja bahkan sebahagian daripadanya adalah dibina oleh penduduk Sabah. Kebanyakan daripada mereka ini adalah berpendapatan rendah dan tidak mempunyai kemampuan membeli rumah telah mengakibatkan mereka terpaksa menduduki tanah kerajaan atau kepunyaan orang secara haram.

Langkah untuk menyelesaikan masalah rumah haram ialah membina lebih banyak rumah kos

rendah akan tetapi keperluan rumah kos rendah ini tidak dapat menampung keperluan penduduk yang berpendapatan rendah di negeri ini. Oleh yang demikian, langkah kerajaan memberi inisiatif kepada syarikat yang menyediakan tempat kediaman kepada pekerja bukan sahaja menggalakkan syarikat membina rumah sendiri pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan ekonomi yang telah dicapai semenjak Kerajaan Barisan Nasional menerajui pemerintahan negeri Sabah jelas kelihatan dengan berbagai pembangunan dilaksanakan di negeri ini. Pelabur asing atau pelabur tempatan telah mengambil peluang keemasan ini untuk melabur di Sabah dalam aspek perindustian, pelancongan, perkhidmatan awam, perhotelan dan lain-lain lagi.

Pada hakikatnya, pembukaan ruang udara kepada syarikat penerbangan antarabangsa adalah sangat diperlukan supaya membolehkan lebih banyak perkhidmatan penerbangan membuka ruang udara kepada lebih banyak syarikat penerbangan antarabangsa atau penerbangan secara terus akan membolehkan lebih ramai pelabur asing dan pelancong datang ke negeri Sabah. Dan ia akan membolehkan negeri Sabah lebih maju di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, tragedi kebakaran yang berlaku di Saratok, Sarawak yang telah mengorbankan 12 orang murid sekolah rendah dan 6 murid cedera parah perlu dijadikan pengajaran kepada kita. Di Sabah terdapat banyak asrama pelajar diperbuat daripada kayu dan papan. Sekiranya berlaku kebakaran sudah tentu akan membawa malapetaka yang serius kepada pelajar di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan agar memperuntukkan wang yang lebih banyak untuk membina semula asrama tersebut. Alat-alat keperluan seperti alat pemadam api dan alat kelengkapan yang lain juga perlu disediakan di setiap sekolah khususnya asrama pelajar. Di samping itu Kerajaan Persekutuan juga perlu mendirikan lebih banyak balai bomba di Sabah memandangkan balai bomba yang ada di Sabah adalah berjauhan di antara satu tempat dan tempat yang lain. Justeru itu, negara kita yang menuju ke arah Wawasan 2020, keperluan untuk keselamatan pencegahan kebakaran adalah sangat diperlukan untuk menghadapi kebakaran yang sering berlaku di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan ini saya berharap Kerajaan Persekutuan dapat meneliti cadangan-cadangan ini demi membolehkan negeri Sabah bebas daripada gelaran 'negeri termiskin, negeri yang bermasalah, pendatang tanpa izin teramai di negara kita selama ini.' Di samping itu, saya juga berharap Kerajaan Persekutuan juga dapat mempertimbangkan pembukaan ruang udara kepada syarikat penerbangan antarabangsa serta menambah peruntukan untuk membiayai jalan raya di Sabah demi kemajuan ekonomi Sabah.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Segambut.

5.13 ptg.

Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Ucapan Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang kita hormati.

Terlebih dahulu ingin saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana membentangkan belanjawan yang ditunggu-tunggu oleh rakyat di negara ini, yang secara menyeluruh menggerakkan Malaysia menuju ke arah tangga tambahan nilai dan berteknologi.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia pasti berpuas hati mengetahui bahawa belanjawan ini yang pertama semenjak pelancaran Rancangan Malaysia Ketujuh dengan matlamat untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi kita di masa hadapan, dengan menggunakan sepenuhnya bahan-bahan tempatan ataupun dengan pertumbuhan faktor produktiviti yang tinggi.

Kita juga berpuas hati dengan melihat belanjawan ini termasuk satu insentif pakej fiskal secara menyeluruh dalam mempromosikan R&D dan kos pengurangan aktiviti untuk penggunaan teknologi tinggi dalam industri pengeluaran dan perkhidmatan.

Kesimpulannya kita percaya bahawa pengisytiharan belanjawan ini akan mewujudkan aliran pengsektoran yang mendadak dalam sektor pengeluaran dan perkhidmatan di mana pertumbuhan yang merangsangkan akan lahir dari kelompok-kelompok Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang bakal menyokong kewujudan aktiviti

berteknologi tinggi. Ia sangat penting bahawa kerajaan telah cukup bersedia akan pertukaran struktur ini di dalam ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha untuk menaikkan kadar simpanan tempatan kami mencadangkan kerajaan menggunakan 'insentif berfiskal' bagi mengelakkan seluruh rakyat Malaysia untuk bersemangat dan menyemai tabiat menabung terutama di kalangan pelajar dan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, kami ingin mencadangkan bahawa dewasa ini telah wujud satu keinginan untuk tabungan berterusan dengan bermatlamat ke arah tujuan pesaraan di mana peningkatan warga-warga tua akan menjadi 'dominant cohort' dalam bakal corak demografi Malaysia. Di masa kerajaan dengan kebijanya membentuk satu polisi yang ditunggu-tunggukan dalam belanjawan ini masih terdapat sudut-sudut di sana-sini yang harus diperbaiki, di mana kami akan membincangkannya di sini.

Berkenaan pertumbuhan penggalakan dan IKS. Seperti yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, pertumbuhan ekonomi bertambah menggalakkan dalam tahun 1996 berbanding dengan ketinggian 9.5% dalam tahun 1995, lebih baik dari dasar lebar dan lembab mengakibatkan keadaan kredit yang sempit. Bagaimanapun bukti-bukti keterangan menyarankan bahawa ekonomi sebenar diperlahankan untuk sebab-sebab yang tidak diinginkan seperti kemerosotan dalam eksport pengeluaran, hasil pertanian yang rendah dan kurangnya pelaksanaan dalam projek kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun pelaksanaan langkah dalam kredit kerajaan yang sempit termasuk keperluan asas yang tinggi pada reserve bekalan dalam sistem perbankan ekonomi Malaysia menunjukkan tanda-tanda kelembapan yang bercampur.

Kadar pertumbuhan GDP sebenar pada lebih 8.2% telah dikekalkan dengan pertumbuhan bekalan kewangan yang tinggi atau "M3" melebihi 21.0% dan perbelanjaan besar dalam industri pembinaan. Dalam bulan Ogos dengan 27.5% jumlah peningkatan pinjaman di dalam sistem perbankan dikira masih tinggi di mana peningkatan pinjaman dalam sektor harta-benda yang luas masih meningkat dengan kadar 24.2% dalam bulan Julai ke-27.0% dalam bulan Ogos.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga isu-isu struktur yang mendalam, yang harus ditekankan dalam belanjawan ini.

Pertama, kepesatan dalam peningkatan pinjaman dalam sektor harta-benda yang luas dapat disalurkan dalam belanjawan besar industri pembinaan, di mana ia menjadi kurang sensitif pada perubahan kadar bunga disebabkan pinjaman ringan dan pemberian perjanjian berkonsesi pada entiti-entiti yang diswastakan. Kesimpulannya polisi kewangan yang ketat masih tidak dapat merangsangkan lebih peningkatan pinjaman dalam sektor harta-benda yang luas.

Secara mendalam penggalakan kadar peningkatan pinjaman di dalam sistem perbankan tidak menjadi masalah, tetapi kadar yang terlalu tinggi dalam peningkatan pinjaman dan kewangan akan menyemarakkan jangkaan berlakunya inflasi terutama bila keuntungan produktiviti di antara 6.0% tidak setara dengan peningkatan upah nominal dalam ekonomi.

Bila kos unit buruh meningkat tanpa kenaikan dalam peningkatan produktiviti, ini adalah tanda bahawa kelebihan di Malaysia akan merosot. Tambahan pula sejarah kewangan sentiasa mencadangkan bahawa peningkatan pinjaman yang tinggi selalu mengiringi dengan kemerosotan kualiti di dalam portfolio pinjaman institusi kewangan, terutama dalam pinjaman sektor hartanah dan harta benda yang luas. Malangnya tanggapan ini ditambah buruk oleh kurangnya pemberian kontrak-kontrak yang tidak jelas dan pinjaman ringan diberi pada entiti-entiti yang diswastakan seperti Perwaja, HICOM Holdings, PLUS dan lain-lain.

Pada dasarnya kerajaan telah bersetuju bahawa pinjaman ringan dan pinjaman berkonsessi akan dihentikan sementara waktu. Oleh sebab anak-anak emas, minta izin "sweetener" ini, telah menjejaskan keberkesanan pelaksanaan langkah dalam kredit kerajaan yang sempit. Ingin kami mencadangkan, supaya kerajaan tidak melayani lagi kerana mereka serta merta dari berdolak-dalih dalam isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, kejatuhan di dalam eksport secara menyeluruh berpunca dari kemerosotan dalam permintaan global untuk produk-produk semikonduktor. Kita harus belajar dalam perkara ini oleh sebab eksport barangan elektronik memerlukan lebih dari 40 peratus jumlah eksport pengeluaran. Sektor pengeluaran yang terlalu bergantung pada industri-industri elektronik telah membuat sektor ini menjadi mudah terdedah. Seperti yang terjadi kepada kejutan-kejutan luaran didatangi dalam ekonomi global. Satu tanda bahawa sektor industri Malaysia belum mampu dipelbagaikan seperti yang ingin kita sangkakan.

Kita sudah tentu kita senang hati melihat bahawa kerajaan telah berusaha menggalakkan industri-industri agar menapak jauh dari peringkat pemasangan pengeluaran ke rangkaian bahagian-bahagian produktiviti yang lain bernilai tambahan seperti reka bentuk dan pengagihan produk dengan matlamat menghasilkan barangan Malaysia sepenuhnya.

Dengan belanjawan ini akan wujud satu alihan pengsektoran dalam sektor pengeluaran dan perkhidmatan. Menggerakkan dan menaikkan Malaysia di tangga bernilai tambahan dan berteknologi. Saya menjangka bahagian penubuhan yang berpontensi akan bermula datang dari kelompok-kelompok Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang menyokong penubuhan aktiviti-aktiviti penggunaan teknologi tinggi.

Secara semula jadi yang melalui proses yang hidup, pengusaha-pengusaha kecil ini sangat cekap dan membawa pembaharuan dan secukupnya dan saya percaya bahawa penyumbang jumlah penubuhan sektor produktiviti dalam industri-industri yang tertinggi akan datang dari SMI ini. Tetapi belanjawan ini tidak memperuntukkan insentif fiskal secukupnya untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha kecil Malaysia dalam berkelompok IKS ini untuk menambah dan meningkatkan lagi teknologi pengeluaran mereka dan juga untuk mengembangkan dan memasarkan produk berdasarkan teknologi perkhidmatan mereka.

Berkenaan faktor kemanusiaan dan pertumbuhan produktiviti, telah diperakui dewasa ini bahawa memiliki bahan-bahan dalam alam semula jadi secara amnya atau kenaikan bahan-bahan bermodal tidak lagi dikira sebagai punca-punca utama. Kelebihan pertandingan negara. Kemajuan dalam penggunaan berteknologi telah dipergunakan di serata dunia secara amnya dan kelebihan ini telah disetarakan dengan pantas sekali. Kejayaan Malaysia dalam pergerakan maju ini tangga berteknologi akan bergantung kepada pembangunan dalam melahirkan printis-printis tempatan dengan minda kuasanya yang saintifik untuk memahirkan diri dalam penggunaan berteknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, selepas tahun-tahun menyaksikan kini, kita dapat melihat bahawa kerajaan sedang membentuk sistem pelajaran yang lebih meningkatkan bidang sains dan teknologi. Kita berpuas hati bahawa belanjawan ini juga memperuntukkan insentif berfiskal untuk mencepatkan perubahan ini. Walau bagaimanapun, dalam mendidik dan melahirkan kelompok saintis dan "technologist" tempatan akan mengambil masa

yang lama dan mengalihkan generasi akan datang. Sementara itu terdapat langkah-langkah berfiskal yang boleh digunakan oleh Menteri Kewangan dalam mempercepatkan pembangunan untuk melahirkan printis-printis pengeluaran jenis ini di Malaysia.

Saya mencadangkan agar Menteri Kewangan harus memberanikan diri dalam membuat perubahan secara mendadak dalam structure cukai. Ramai yang prihatin mengenai penurunan cukai pendapatan individu akan mengakibatkan kenaikan kelupusan pendapatan dan faktor inflasi di mana ia boleh di "offset"kan dengan mudah oleh langkah-langkah berfiskal dan lain seperti menaikkan kadar caruman KWSP. Tetapi masih terdapat satu sudut penting mengenai penurunan cukai yang belum diketahui secara umum. Dengan penurunan kadar cukai, pendapatan individu yang lebih akan menggalakkan kenaikan produktiviti, di mana pekerja yang bekerja keras bila mana mendapat pulangan pendapatan selepas cukai yang tertinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sila gulung ya.

Dr. Tan Kee Kwong: Okay. Kami mencadangkan agar kerajaan mengikut langkah yang dibuat oleh negara Hong Kong di mana kadar maksimum cukai pendapatan ialah serendah 15%. Kami mengakui bahawa kerajaan telah menurunkan kadar cukai dalam tahun-tahun kebelakangan ini, tetapi secara beransur-ansur saya menyarankan agar kerajaan harus menimbang semula penurunan kadar cukai pendapatan individu Malaysia dengan tahap serendah 15% secepat mungkin.

Dengan komen-komen saya, saya mengalu-alukan ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat yang lalu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sandakan.

5.31 ptg.

Tuan Lau Ngan Siew [Sandakan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan kerana menyampaikan satu lagi Belanjawan yang bijaksana kepada Malaysia untuk membawa peranan negeri ini ke tahap yang lebih tinggi.

Saya rasa Belanjawan 1997 mempunyai banyak kaitan dengan Sabah di mana beberapa isu telah dikemukakan yang berkenaan dengan Sabah. Keutamaan telah diberikan kepada pembangunan

luar bandar, penghapusan kunca-kunca kemanusiaan, semua ini merupakan berita yang benar-benar disambut baik.

Begitu juga dalam cadangan kerajaan mengeneppikan RM 7 bilion untuk pembangunan kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar menunjukkan komitmen kerajaan menuju ke arah peningkatan kemudahan kepada penduduk-penduduk pedalaman. Peruntukan tersebut diharapkan akan membantu pembangunan Sabah lebih setaraf dengan tahap kebangsaan.

Saya ingin menekankan beberapa kawasan di mana perhatian khas diberikan dari segi peruntukan, demi lebih berkesan dan mempercepatkan pembangunan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Wawasan 2000, Rangka Pelan Prospektif untuk Sabah (OPPS) memberi bantuan bagi tindakan untuk mengubah Sabah kepada satu ekonomi yang berdasarkan kepada pengetahuan dan teknologi nilai tambahan. Ini boleh meletakkan negeri Sabah ke dalam minda persaingan dalam arena ekonomi sejagat.

Bagi memulakan ekonomi negeri, pihak kerajaan telah mengenal pasti empat bidang bagi pegangan, iaitu perancangan, pertanian, pengilangan dan perhutanan. Satu faktor utama bagi mencapai sasaran ialah mengadakan berbagai infrastruktur asas yang perlu dalam bidang pertumbuhan ini. Bantuan Kerajaan Persekutuan adalah diminta dalam memberi semua infrastruktur ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu strategi yang digunakan dalam OPPS ialah membina infrastruktur industri baru di negeri Sabah. Strategi ini amat penting bagi mewujudkan satu suasana yang sesuai untuk menarik penyertaan sektor swasta. Dengan adanya infrastruktur, industri boleh menjadi faktor pemangkin bagi pelabur berpotensi untuk berusaha dalam industri-industri nilai tambahan.

Walaupun kerajaan negeri telah berusaha untuk membangunkan projek infrastruktur bagi Taman Industri Kota Kinabalu (KKIP), namun ini masih belum mencukupi untuk menggalakkan ekonomi. Daerah-daerah lain dalam negeri masih lagi kurang maju. Oleh kerana kerajaan negeri mempunyai belanjawan kewangan yang tetap, maka inginlah saya mencadang supaya pihak Kerajaan Persekutuan dapat membantu dalam pembangunan taman-taman industri di daerah lain dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, jalan raya, baik yang menghubungi negeri Sabah yang begitu luas haruslah diberi perhatian utama dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Tanpa rangkaian jalan raya yang luas dan cekap, ekonomi tidak akan tumbuh.

Selain daripada menggalakkan integrasi sosial, jalan raya juga boleh meningkatkan pembangunan industri dan membuka pembangunan luar bandar. Nisbah 0.5 km:1.5 km pembangunan jalan raya di antara Sabah dan Semenanjung Malaysia adalah jauh perbezaannya dan ianya mesti dikurangkan. Walaupun RM811.15 juta telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, ini merupakan peningkatan yang besar dari peruntukan Rancangan Malaysia Keenam. Jumlah ini masih jauh dari jumlah yang diperlukan.

Oleh kerana begitu kurang maju sekali sistem jalan raya dan ditambah dengan cara pembangunan yang terlibat dan juga daerah yang begitu luas di negeri Sabah, adalah satu amalan dasar bagi pihak Kerajaan Persekutuan untuk menyokong dan membiayai segala pembinaan jalan raya baru dengan tujuan menghubungkan semua pekan-pekan pusat penduduk di Sabah dengan rangkaian jalan raya yang cekap.

Di Sabah, keadaan jalan raya yang berturap berbanding dengan jalan raya yang tidak berturap adalah sangat rendah iaitu 34% berbanding dengan purata negara yang mempunyai kadar 74%. Jalan raya yang sedia ada menuju ke tempat perindustrian perlu dipertingkatkan dan dibaikpulih. Keadaan jalan raya ke destinasi berpotensi pelancongan juga kurang baik dan mesti diperbaiki. Untuk mempertahankan dan menjaga pelaburan yang sedia ada sekarang, maka semua jalan raya yang rosak dan sedang merosot haruslah sentiasa diperbaiki. Pihak berkuasa juga perlu meningkatkan usaha dan tindakan, khususnya dalam masalah mengenai pembawa muatan yang berlebihan bagi kenderaan berat sehingga merosakkan jalan raya di seluruh negeri.

Tenaga manusia yang mencukupi untuk memasang jambatan dan mengenakan tindakan berat bagi merampas lori yang membawa muatan berlebihan, adalah beberapa isu yang perlu diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah mempunyai banyak jambatan jenis separuh kekal yang dibina di tempat luar bandar dua puluh tahun dahulu. Semua ini perlu dicegah kerana keadaannya yang sangat bahaya. Banyak jambatan jenis ini telah pun roboh pada tahun-tahun yang lalu. Ini menimbulkan masalah dan kesulitan kepada rakyat. JKR Sabah telah merancang satu program untuk menukar semua jambatan ini, akan tetapi kos penukaran yang terlibat adalah begitu besar. Pihak Kerajaan Persekutuan dipohon sebanyak bantuan dengan memberi peruntukan kewangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, pelabuhan adalah pintu masuk penting bagi tukaran ekonomi. Pelan industri Sabah mengesyorkan peningkatan dan perkembangan bagi semua pelabuhan utama di negeri Sabah. Pelabuhan Kota Kinabalu kini mengalami masalah kesesakan kapal di persekitarannya dan juga masalah kekurangan tempat menyimpan kontena. Ruang bagi perkembangan adalah terhad dan kemudahan di masa akan datang harus dibangunkan di Pelabuhan Selat Sepangar. Pelabuhan Sepangar Bay perlu dipertingkatkan dan dimajukan dengan cepat bagi menampung masalah kekurangan tempat simpanan sekarang dan juga pembangunan KKIP di masa akan datang.

Di bawah Pelan Induk Pembangunan Pelabuhan Sabah bagi dua puluh tahun yang kedua adalah mencadangkan supaya satu terminal kontena dibina di Sepangar Bay pada tahun 2002. Tetapi oleh kerana Sabah sedang mengalami perkembangan ekonomi yang pesat dan juga pembangunan KKIP yang besar serta berdekatan, maka adalah perlu dan wajar untuk mempercepatkan pembinaan terminal kontena yang lebih besar ini. Oleh kerana keupayaan kewangan adalah terhad bagi kerajaan negeri dan SPA, bantuan Kerajaan Persekutuan dimohon untuk memberi pinjaman secara soft loan package untuk projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah masih sentiasa mengalami masalah yang berkaitan dengan tenaga elektrik seperti potongan bekalan elektrik. Ini merupakan satu halangan besar bagi pembangunan industri di Sabah. Kepentingan harus diberi untuk mengatasi masalah bekalan elektrik. Pertama, spinning reserve - gangguan elektrik di bahagian Pantai Barat dan pedalaman adalah disebabkan masalah kekurangan sokongan bekalan yang berlebihan. Ini boleh dicapai melalui pembinaan stesen menjana kuasa elektrik. Pengusaha kuasa elektrik bebas (IPP) akan mendapatkan bekalan kuasa elektrik daripada projek Bakun yang akan dilaksanakan.

Kedua, projek hidro Liwago. Pelaksanaan projek hidro Liwago fasa I yang dapat menjanakan kuasa elektrik sebanyak 400 Mw harus dipercepatkan supaya saluran elektrik Pantai Timur-Barat boleh dijalankan bagi menambah jumlah bekalan kuasa elektrik pada keseluruhannya di negeri Sabah.

Ketiga, pembahagian kuasa elektrik. Alat-alat dan sistem pembahagian kuasa elektrik yang ada sekarang, perlu dipertingkatkan supaya menghasilkan maklumat terkini yang boleh

membantu dalam hal penyelarasan pembahagian elektrik. Dengan ini keputusan atas pembahagian kuasa elektrik boleh dibuat dengan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana lokasinya yang strategik ialah BIMP - EAGA serta rancangan kerajaan untuk membuka tempat perindustrian, pelabuhan Sandakan diramal akan memainkan satu peluang yang amat penting. Pada masa sekarang pelabuhan Sandakan hanya boleh menerima kapal yang seberat 20,000 cwt. Keupayaan ini perlu ditambah. Kemudahan pelabuhan yang ada sekarang adalah tidak mampu mengendalikan minyak kelapa sawit. Perkara ini perlu diatasi dengan cepat kerana Sandakan kini pesat meningkatkan produksi minyak kelapa sawit. Ini memang selaras dengan objektif negara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara mengeluarkan minyak makan terbesar.

Pihak Kerajaan Persekutuan adalah diminta supaya membantu dalam memberi sumbangan bagi segala kemudahan yang diperlu sebagai menjamin perkembangan pelabuhan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bekalan kuasa elektrik di Sandakan adalah mencukupi bagi keperluan sekarang sahaja. Penjana lama yang masih digunakan perlu ditukar seberapa cepat mungkin untuk mengurangkan gangguan bekalan kuasa elektrik. Perlaksanaan projek IPP untuk menampung bekalan kuasa elektrik bagi Sandakan perlu dipercepatkan untuk menampung keperluan yang semakin meningkat dan juga menjanakan kuasa elektrik berlebihan bagi industri baru. Tambahan, kerajaan harus menjalankan perbaikan atas sistem pembahagian kuasa elektrik di Sandakan supaya apabila berlakunya gangguan elektrik ianya boleh diatasi dengan cepat dan tidak menyusahkan para pengguna.

Segala rancangan bagi bekalan elektrik di Sandakan mesti mengambil perhatian atau menyambungkan saluran Timur Barat yang akan dijalankan supaya ianya boleh menghasilkan satu penukaran yang licin dan meminimumkan perubahan sistem yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan negeri melalui JKR Sabah telah bercadang untuk membina jalan raya kembar dari Km 9 hingga Km 13 untuk mengurangkan kesesakan jalan raya yang disebabkan oleh penambahan kenderaan ialah juga bertujuan untuk melancarkan laluan kenderaan dari bandar kecil di Km 13. Ini boleh memberi keselamatan kepada para pengguna jalan raya. Jumlah anggaran projek ini ialah RM20 juta. Dalam

Rancangan Malaysia Ketujuh, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan RM1 juta bagi tujuan menjalankan kerja membantu dan kajian projek ini sahaja. Kerajaan Persekutuan diminta supaya memberi peruntukan yang mencukupi bagi melaksanakan projek ini, bahawa Rancangan Malaysia Ketujuh projek ini perlu dilaksanakan dengan cepat oleh kerana kesesakan jalan raya khususnya pada waktu puncak adalah sangat menyusahkan. Sesuatu laluan yang boleh mencepatkan pengangkutan sangat diperlukan untuk mengurangkan kesesakan dan meningkatkan keselamatan jalan raya bagi pengguna jalan raya dari pelabuhan ke bandar Sandakan yang mana hanya mempunyai 9 km jalan bandar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta gulung ya.

Tuan Lau Ngan Siew: Tuan Yang di-Pertua, penduduk Sandakan yang semakin meningkat telah mengakibatkan kenderaan bertambah dan mengganggu pergerakan manusia. Dengan tambah banyaknya kemalangan di jalan raya juga telah memberi tekanan kepada infrastruktur jalan raya. Jadi, untuk memberi keselamatan sistem laluan yang cekap kepada pengguna jalan raya dan kemudahan pengangkutan umum, maka perbaikan serta pengubahan persimpangan perlu dilaksanakan seberapa secepat mungkin pemasangan lampu isyarat. Rancangan dan skim perluasan lalu lintas perlu ditimbang supaya pengurusan laluan kenderaan boleh diurus dengan cekap.

Ada tiga lokasi di sebahagian jalan raya utara yang dianggap sangat menghalang laluan kenderaan dan sentiasa berlakunya kemalangan yang perlu diperbaiki ianya:

- (a) persimpangan lampu isyarat di bandar Kimpung di Batu 4;
- (b) persimpangan JKR-Bomba di Batu 3.5;
- (c) Pusingan "U" MPS-Sepatan;
- (d) Stesen Mobil di Batu 2.5.

Kemudahan-kemudahan penumpang dan perbaikan di Lapangan Terbang Sandakan perlu diperbaiki kerana keadaan pembangunan industri pelancongan di Sandakan akan mempengaruhi ketibaan pelancong ke Sandakan di mana kebanyakannya menggunakan pengangkutan udara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Sandakan, masa cukup.

Tuan Lau Ngan Siew: Penggunaan aerobridge akan amat mengurangkan kesusahan para penumpang-penumpang khususnya pada hari hujan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Barisan Nasional mengambil alih pentadbiran negeri Sabah, rakyat Sabah telah mempunyai pengharapan yang cerah. Pembangunan infrastruktur boleh menjadi satu pelancaran bagi Sabah untuk maju ke hadapan dan menuju ke aspirasi pembangunan ekonomi negara. Maka perhatian utama perlu diberi kepada kemudahan infrastruktur tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Sandakan....

Tuan Lau Ngan Siew: Di sini saya menyokong Belanjawan 1997.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:...masa sudah cukup.

Tuan Lau Ngan Siew: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelutong.

5.54 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini berhawa dingin, selepas dengar Yang Berhormat dari Sandakan dan beberapa orang lagi yang tidak ada semangat untuk berucap. Adakah ini apa yang diucapkan oleh Barisan Nasional selepas kemenangan besar dalam pilihan raya baru-baru ini? Bolehkah seorang dari Sandakan atau lain Ahli Yang Berhormat ini baca dari teks, dan pembacaan itu pun tidak betul. Cakap, cakap!. Apa macam punya Ahli-ahli Dewan Rakyat ini? Saya harap mutu Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional boleh dipertingkatkan. Jika tidak, tidak layak untuk duduk di sini, letak jawatan dan boleh ada satu pilihan raya kecil di Sandakan, DAP boleh menang. Lebih baik mendapat seorang yang boleh mencerminkan dan melawan bagi rakyat Sandakan.

Tuan Speaker, baru-baru ini seorang rakan saya ditahan di Alor Setar. Beliau disoal oleh seorang pegawai polis bukan atasan. Tuan Speaker, dalam tahun lepas saya ada di Dewan yang mulia ini mengkritik Ketua Polis Negara sebagai seorang yang ada wajah gangster. Masa itu apa saya bercakap kerana disiarkan apabila dia memberi satu interview dan bercakap kepada wartawan. Tetapi sekarang selepas apa yang saya bangkit di sini, wajah dia sudah tukar, bukan macam gangster dahulu, tetapi seorang yang baik menjalankan kuasa yang ada dalam tangan dia itu, suatu tanda yang baik.

Tetapi baru-baru ini di Alor Setar selepas kawan saya ini ditahan, pegawai ini menanya dia apakah PDRM? Jawapan kawan saya adalah Polis DiRaja Malaysia. Dia cakap no, itu bukan benar, itu bukan betul - "Polis raja di Malaysia." Itu apa yang disuarakan oleh seorang pegawai polis dalam PDRM (Polis DiRaja Malaysia) sekarang jadi 'polis raja di Malaysia. Jika perlu, saya boleh memberi butir-butir yang sewajarnya kepada rakan saya Timbalan Menteri di sana untuk menyiasat perkara ini. Jika polis jadi raja di Malaysia, matilah semua kami, termasuk ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, selain daripada itu, apa yang dicontohi dan ini ada berlaku baru-baru ini, dalam mahkamah. Di Ipoh pada 13hb. September tahun ini, di Mahkamah Session I, di mana hakim wanita ini garang, dia memberi amaran kepada seorang bernama Kerpal Singh. [Ketawa] K-e-r-p-a-l bukan nama saya. Bukan saya, tetapi kawa saya, orang yang baik, bukan orang yang garang seperti saya. [Ketawa] Tetapi akibat yang diterima oleh dia dalam tangan hakim wanita ini, masuk ke dalam penjara dua minggu.

Kelmarin dahulu, 1hb., hari Jumaat, hakim yang sama, seorang lagi rakan saya dari DAP bernama Kulasegaran, seorang peguam. Kali ini masuk ke dalam lokap. Adakah cara bagi seorang hakim untuk bertindak seperti itu? Tuan Yang di-Pertua pun seorang peguam, biasa jadi majistret. Adakah dalam pengalaman Tuan Yang di-Pertua menjatuhkan hukuman seperti itu. Saya tahu ada peruntukan dalam undang-undang, di mana boleh ada satu keadaan di mana satu kuasa seperti itu iaitu untuk memasukkan seorang dalam lokap, peguam atau orang lain termasuk menteri jika beliau ada membuat suatu kesalahan, tetapi satu summery power. Tetapi ini digunakan bukan oleh hakim wanita ini. Peguam dalam negara ini dalam banyak mahkamah-mahkamah mengugut, jika tidak diikut apa yang saya cakap masuk dalam lokap. Ini bukan ISA, di mana menteri boleh menandatangani satu perintah masuk dalam lokap, tidak boleh terbangkit di dalam mahkamah. Hakim-hakim ini tidak barangkali mengetahui apa yang ada menjatuhkan sebagai keputusan dalam keadaan seperti ini dalam masa lampau. Untuk faedah hakim-hakim ini saya baca apa yang diputuskan oleh Yang Arif Raja Azlan Shah dalam Karam Singh versus public prosecutor, memutuskan pada 8hb. Ogos, 1974, 22 tahun lalu. Barangkali hakim ini tidak membaca apa yang ada terkandung dalam keputusan ini.

Di sini saya baca apa yang ada dalam headnotes untuk mengetahui background, *"This was an appeal by Advocate and Solicitor against summary conviction and sentence of two weeks imprisonment. The fact disclosed in the record were that there was the heated arguments between the Magistrate and the Appellant was appearing on behalf of defendant in the case concerning impersonation. The learned Magistrate adjourned into Chambers of 15 minutes and after considering the matter returned to the bench and decided to deal with the Appellant summarily, held: The Magistrate summary power to proceed of its own motion must never be invoked unless the ends of justice really required such drastic measures. The Magistrate should not be both the prosecutor and the judge"*.

Dan apa yang dinyatakan oleh hakim ini dalam penghakiman -

"Insulting behaviour by Counsel however reprehensible, may or may not be contempt depending on the surrounding circumstances. But in my view a Magistrate summary power to proceed of its own motion must never be invoked unless the ends of justice very required such drastic means. No doubt it appear to be rough justice. It is contrary to natural justice and can only be justified, they have nothing else would do. Therefore, this power must be exercise with scrupulous care and only when the case is clear beyond reasonable doubt. In my view it is only in urgent cases a Magistrate should take on himself or herself to move. It should, in my view, leave it to the local Bar Committee to move in accordance with the Advocates and Solicitors Ordinance. The Magistrate should not appeared to be both prosecutor and judge, a role which does not become hindrance. In my opinion it was not a case of summary punishment because it was not sufficiently urgent or imperative. He would have done well if he had adjourned the case and reported the matter to the local Bar Committee".

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Kamarendran - ini adalah pada 28hb. Mac, 1975. Tuan Yang di-Pertua, prinsip-prinsip yang sama ada diputuskan oleh seorang hakim yang terbaik iaitu Justice Yusoffee Abdul Kadeer. Dalam penghakiman beliau, beliau ada menyatakan - ini terdapat dalam mukasurat 48 dalam laporan ini, *"our right that the court's power to imprison should only be exercised in serious cases of contempt. In deciding whether a contempt is serious or not to warrant imprisonment two factors should be taken to account First, the likely interference with the due administration of justice, and secondly, the capability of the of-*

fender, where the impossition or a fine would meet the circumstances in order of committals should be avoided if at all possible".

Jadi, dalam kes dua ini, adakah sebab-sebab tertentu dan sebab-sebab yang boleh diterima sebagai sebab-sebab yang baik untuk menjatuhkan hukuman penjara ke atas dua orang ahli profesion peguam? Saya merayu kepada Ketua Hakim Negara untuk mengambil berat atas apa yang terjadi, kerana jikalau tidak ada hak ke atas kuasa yang ada dalam tangan hakim-hakim dalam negara ini, keadilan tidak boleh dicerminkan sebagai keadilan yang perlu dijatuhkan oleh seorang hakim dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerap kali, apabila dia mendapat satu peluang untuk menghentam peguam-peguam dalam negara ini, menghentam Bar Council, barangkali hakim-hakim dalam ingatan dia, jika saya hentam peguam-peguam sekarang, barangkali boleh naik pangkat, kerana Perdana Menteri pun ada hentam. Itu bukan apa yang harus diingati oleh hakim-hakim ini, kerana seorang peguam adalah officer of the court, sebagai officer of the court, dia pun ada satu peranan yang diwajibkan untuk menentukan dalam mahkamah ada dicapai keadilan "in niche ideal" dan saya harap, barangkali Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri - dia pun Peguam - walaupun jarang masuk ke mahkamah, barangkali tidak tahu - tetapi ini adalah apa yang dijalankan dan apa yang wujud dalam mahkamah-mahkamah di negara ini.

Satu lagi aspek yang lain, yang tidak berapa serius, tetapi serius juga, iaitu dari segi keadilan. Tuan Yang di-Pertua, dalam Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, khasnya di Denmark House yang menempatkan hakim-hakim Mahkamah Tinggi. Ada 14 hakim di sana dan apabila sesuatu kes dikendalikan oleh seorang hakim, dan jikalau ada seorang saksi yang perlu bercakap dalam bahasa Cina (dialek Cina) tidak ada, hanya ada seorang jurubahasa yang digunakan oleh 14 orang hakim. Baru-baru ini saya ada satu kes di Mahkamah Tinggi di Denmark House, depan Yang Arif Dato' James Fong. Beliau memanggil saya di Kamarnya dengan Senior Federal Counsel, Peguam Persekutuan dan memberitahu kepada saya tidak ada jurubahasa. Pelanggan awak adalah seorang Cina yang mahu bercakap dalam bahasa Cina. Mengikut undang-undang beliau ada hak untuk bercakap apa yang beliau ingin dan hakim ini menyatakan kepada hanya ada seorang juru bahasa dan juru bahasa itu,

pada hari itu, tidak boleh digunakan di mahkamah ini kerana beliau ada tugas lain di mahkamah lain. Tetapi ada seorang juru bahasa swasta. Juru bahasa swasta ini boleh digunakan, tetapi pelanggan awak kena membayar dia untuk perkhidmatannya hari ini - RM500 untuk sehari.

Bolehkah keadaan seperti ini wujud? Barangkali seorang pelanggan saya kena membeli seorang hakim. Jikalau boleh bayar kepada jurubahasa, lain kali kena bayar untuk hakim. Bukan RM500, barangkali RM50,000. Saya harap, dari segi undang-undang, dari segi keadilan, seorang juru bahasa adalah orang tengah dan tidak boleh di bayar oleh mana-mana pihak, hanya kerajaan untuk mendapatkan kebebasan. Boleh jadi, jika dibayar kepada orang ini, dia adalah bagi pihak orang yang membayar dia. Saya harap ini tidak akan menjadi satu masalah dan hakim ini pun ada memberi penjelasan kepada saya bahawa tidak ada jalan lain. Bukan dia mahu keadaan seperti itu wujud, tetapi tidak ada jalan lain. Jika saya tidak sanggup untuk membayar RM500, kes itu ditunda dan kes itu adalah kes sivil yang berlaku dalam tahun 1983 - 13 tahun lepas, jika saya tidak mampu bayar, habislah, barangkali kes itu akan didengar pada tahun 2020. Barangkali pada masa itu boleh didapati seorang jurubahasa.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi undang-undang keadilan juga, saya ada membangkitkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini baru-baru ini, tetapi untuk up-date apa yang terjadi dalam kes pembantu rumah Maria Fe T. Ocampo yang ada membuat laporan polis bahawa beliau dirogol oleh Duta Croatia, namanya Kresimir Znidaric. Mangsa ini ada dipanggil oleh Bukit Aman, berturut-turut selama 7 hari, seminggu telah disoal untuk memberi statement daripada polis, selepas itu 4 kali lagi - 11 kali. Beliau ada memberi keterangan dan dalam fikiran saya tidak ada keraguan bahawa apa yang dinyatakan oleh mangsa ini adalah benar bahawa beliau ada dirogol oleh Duta ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerana selepas tuduhan ini dibuat, ada dibongkar umum, beliau di 'recall' kepada Croatia, beliau dipecat sebagai Duta, bukankah is that not self evidence - bahawa beliau bersalah? Beliau tidak berani datang kembali ke negara ini untuk membersihkan nama dirinya dan adakah apa-apa dibuat oleh polis sehingga hari ini dan pagi ini saya telah berjumpa mangsa ini - Maria, yang menyatakan sampai hari ini saya telah dipanggil untuk pergi ke Bukit Aman, beberapa soalan telah ditanyakan kepada saya, saya telah menjawabnya tetapi tidak ada apa-apa hasil sampai hari ini.

Tuan Speaker, visa Maria ini dan ibunya tamat pada 13hb. November ini, tidak berapa lama lagi. Bolehkah Peguam Negara barangkali dia tidak tahu apa yang berlaku 'at the ground level'. Bolehkah dia sendiri bertindak menentukan penyiasatan ini tamat dengan sewajarnya untuk menentukan jika Duta ini bersalah apabila fail itu dibaca oleh Peguam Negara, menentukan dia dikembalikan ke negara ini, jika dia sendiri tidak rela untuk kembali.

Tuan Speaker, saya harap negara Croatia itu untuk kehormatan negara itu dengan sukarela menghantar orang ini kembali ke Malaysia untuk dipertuduh dalam mahkamah dan jika beliau tidak bersalah dan mengikut undang-undang jika seseorang itu tidak boleh membuktikan beyond reasonable doubt. Arulpragasam tidak berapa lama lagi, itu pun tidak ada, lebih merbahaya kepada Duta ini jika dia tidak kembali sekarang, jika dia kembali dalam tiga bulan ini habislah dia kerana tentu ada pindaan kepada Criminal Procedure Code, bukankah begitu Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Yang di-Pertua, untuk menghapuskan dan menjatuhkan dalam kes Arupragasam oleh tujuh hakim.

Tuan Noh bin Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tanjong Karang minta jalan.

Tuan R. Karpal Singh: ya.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mengenai kes Duta tadi yang disyaki merogol. Seandainya polis mendapati bukti-bukti lengkap bahawa Duta ini tadi merogol, boleh ataupun tidak mengikut undang-undang kita, Duta ini didakwa di mahkamah di negara kita ini? Kerana setahu saya Duta ini dia ada immunity, dia ada diplomatic immunity. Jadi, sebagai seorang peguam yang lama, bolehkah perkara ini didakwa?

Dan yang kedua tadi, mengenai ekstradisi. Mengikut undang-undang negara kita sekarang, Duta ini telah meletak jawatan, telah dipecat. Adakah negara kita boleh buat ekstradisi untuk membawa balik Duta ini ke Malaysia?

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, walaupun seorang diplomat, Duta itu ada diplomatic immunity, itu ada diterima di kalangan antarabangsa, itu bukan satu perkara yang baru, tetapi diplomatic immunity itu boleh di 'vet'. Dan dalam hal ini

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, saya belum habis lagi! Okay. Saya boleh memberi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah suntuk Yang Berhormat, masa ada dua minit lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, dua minit? Saya ingat tidak ada

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak minta sedikit penjelasan. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini marah kepada siapa? Marah dengan poliskah atau marah kepada siapa? Itu yang saya hendak mendapat penjelasan! Jadi, kalau marah pada polis ini, saya rasa tak kena, sebab diplomatic immunity ini, sudah memang kita iktiraf, bahawa mana-mana Duta hanya negara berkenaan sahaja yang boleh mendakwa dia. Kita tidak ada hak untuk mendakwa dia di negara kita. Jadi, saya hendak tahu Ahli Yang Berhormat ini marah kepada siapa ini, yang lama sangat berucap berkenaan dengan membela kes orang asing ini?

Tuan R. Karpal Singh: Saya belum habis lagi, itulah sebabnya tidak boleh dapat difahami lagi. *[Ketawa]*

Tuan Speaker, jika seseorang yang ada diplomatic immunity, dia sendiri vet immunity itu. Itu bermakna dia boleh didakwa dalam negara ini. Dalam tahun 1894 jika saya tidak silap, Sultan Johor masa itu, namanya Sultan Abu Bakar, dia pergi ke London, diterima sebagai Albert Baker - Abu Bakar jadi Albert Baker, dia berkawan dengan seorang gadis orang putih. Dia menerima bahawa dia mahu berkahwin dengannya, tetapi engkar. Perempuan orang putih itu buat satu kes dalam mahkamah. Beliau hadir di mahkamah untuk membuat permohonan bahawa ia adalah Sultan Johor dan oleh itu ada diplomatic immunity. Baru sahaja hakim yang mengendalikannya kes itu memutuskan bahawa ia ada diplomatic immunity, oleh itu kes itu tidak boleh dijalankan ke atasnya.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah tidak ada lagi, Tanjong Karang!

Tuan Noh bin Omar: Bukan, saya cuma hendak penjelasan, sekarang ini fasal kes Albert Baker, kita pun belajar juga berkenaan Albert Baker ini.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, dan soalan yang kedua tadi, ini adalah kerana dia rakyat Croatia, jika rakyat Croatia dia tidak boleh kembali ke sini. Tidak kira Duta Croatia atau sesiapa pun, jika ada satu arrangement jika tidak ada treaty, ada satu arrangement di mana satu negara dan negara yang lain bagi rakyat kedua-dua negara ini jika membuat kesilapan dalam negara masing-masing boleh dikembalikan, Tuan Speaker, ya, ia boleh dikembalikan ke negara ini.

Saya bukan mempersalahkan polis, apa yang saya persalahkan adalah penyiasatan sehingga hari ini masih belum tamat lagi. Jika boleh tamat, Peguam Negara sendiri boleh memutuskan atas apa-apa keterangan yang ada untuk memutuskan haruskah membuat satu pertuduhan ke atas Duta ini atau ex-Duta ini atau tidak buat atau mengambil apa-apa tindakan yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah cukup.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Beluran.

6.18 ptg.

Tuan Asmat Nungka [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya kesempatan untuk memberi sedikit ucapan di Dewan yang mulia ini.

Di atas kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan di atas Ucapan Belanjawan 1997 yang saya anggap adalah yang terbaik dan begitu menyeluruh sekali dalam mewujudkan satu negara Malaysia yang maju menuju ke arah negara perindustrian menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, mengimbas kembali Belanjawan 1997 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini, saya selaku Ahli Parlimen dari kawasan Beluran dengan ini menyokong Usul Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana menepati kepada kehendak negara kita yang sudah menuju kepada era yang maju ini.

Jadi, bersesuaian dengan konsep dan pendekatan belanjawan ini, di mana kawasan saya adalah kawasan yang begitu mundur sekali, jadi, saya terlihat di dalam konsep belanjawan yang ada

di hadapan ini menekankan tumpuan terhadap pembasmian kemiskinan dan juga pembangunan luar bandar yang menyeluruh. Jadi, saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan supaya pendekatan pembangunan luar bandar ini bukan sahaja dari segi pembasmian kemiskinan yang sudah banyak diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari negeri Sabah, juga saya menekankan supaya program tersebut juga ditekankan dari segi pendidikan.

Kita sedia maklum bahawa masyarakat boleh berubah kedudukannya sekiranya mereka mendapatkan pendidikan. Jadi, di kawasan saya di Beluran seperti mana yang kita semua sedia maklum, adalah satu kawasan yang mundur dan banyak lagi tempat-tempat yang perlu dibangunkan dari segi pendidikan dan sebagainya. Banyak juga sekolah yang telah pun didaftarkan, tetapi malang sekali kita tidak mempunyai rumah guru atau pun bangunan sekolah itu sendiri. Banyak sekolah yang telah pun didaftarkan, meminjam balai raya-balai raya yang telah dibina oleh kerajaan yang lalu sebagai satu tempat anak-anak kita di luar bandar belajar di situ.

Jadi, saya berpendapat bahawa di dalam belanjawan yang dibentangkan ini, inisiatif yang saya lihat disitu pelepasan cukai kepada pensyarah-pensyarah ataupun guru-guru yang berkhidmat barangkali di luar bandar atau pun daripada luar negara yang diimport khas untuk bekerja atau berkhidmat di Institut Pengajian Tinggi atau pun di luar bandar ini mendapat sambutan dengan menggalakkan kerana mereka ini dikecualikan daripada cukai, pelepasan cukai dan sebagainya.

Jadi, saya memang begitu kagum sekali kerana ini akan mempertingkatkan lagi dayausaha guru-guru kita ataupun para pendidik kita untuk mendidik warga kota atau warga di luar bandar bagi satu landasan pendidikan yang menjuruskan kepada usaha untuk melahirkan satu standard pendidikan sains dan teknologi yang terbaik menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, agenda kemiskinan seperti yang saya katakan tadi, memanglah merupakan salah satu daripada tumpuan utama Kerajaan Barisan Nasional dalam Belanjawan tahun 1997 dan di situ saya lihat, Amanah Ikhtiar Malaysia ataupun AIM telahpun dipertanggungjawabkan oleh kerajaan dan sebanyak RM200 juta telahpun di peruntukan bagi membasmi masalah kemiskinan mutlak negara kita terutamanya sekali di luar bandar.

Oleh kerana kawasan Beluran seperti yang saya katakan tadi, merupakan satu kawasan yang

termundur di negeri Sabah maka adalah wajar usaha Barisan Nasional supaya menitikberatkan masalah-masalah yang telahpun disampaikan kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengenai dengan pembangunan PPRT ataupun Projek Pembangunan Rakyat Termiskin di kawasan Parlimen Beluran. Jadi, saya memang dengan rendah hati menyokong penuh usaha kerajaan untuk membantu masyarakat luar bandar bagi kebaikan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan usaha murni kerajaan Barisan Nasional telah mengimbangkan perkembangan ekonomi dan keseimbangan sosial, saya berpendapat bahawa komitmen kerajaan dalam menyelesaikan masalah golongan belia merupakan satu agenda sosial yang amat rumit dan berat untuk diatasi. Tetapi dengan usaha gigih dan pandangan yang begitu jauh oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, maka program Rakan Muda telah diberikan peruntukan yang begitu banyak dan saya percaya dan yakin projek Rakan Muda ini dapat dijalankan di seluruh negara untuk menangani masalah belia-belia kita yang sudah masuk ke era, satu budaya yang saya nampak sebagai budaya lepak dan ada juga yang dikatakan bohsia dan sebagainya, dan akhir-akhir ini kita nampak belia-belia kita sudah mulai mendekati pil-pil khayal untuk menangani barangkali masalah mereka sendiri.

Jadi, ini amat penting sekali untuk diambil perhatian, dan saya yakin perlu peruntukan program Rakan Muda ini dapat menepati sasaran bukan sahaja di Semenanjung ini tetapi diperluaskan di negeri Sabah, khususnya di kawasan Beluran.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan juga saya mengemukakan sedikit masalah yang terdapat di kawasan saya sendiri di Beluran untuk perhatian dan pertimbangan dari pihak kerajaan Barisan Nasional. Seperti mana yang kita sedia maklum, sudah hampir 20 tahun lebih Sabah merdeka, satu jalan raya yang dikatakan Jalan Raya Beluran - Sandakan masih pun belum terturap dan inilah yang menjadi bahan utama Pihak-pihak Pembangkang konon-kononnya Barisan Nasional hanya memberi janji-janji palsu sahaja. Jadi, semua tohmahan ini tidak lain dan tidak bukan Wakil Rakyat sendiri yang memikul. Apabila kita masuk kawasan, mereka mengatakan konon Barisan Nasional kaya, tetapi jalan raya sejauh 40 km sahaja pun tidak dapat diturap. Jadi, inilah saya ingin mengetengahkan perkara ini kerana kalau kita lihat kawasan Beluran yang kaya dengan sumber kayu balaknya sendiri dan sekarang ini kita nampak pertumbuhan tanaman

kelapa sawit juga begitu luas, tetapi mengapakah kawasan ini masih juga, jalan raya tersebut belum dapat kerajaan turapkan sehingga pada masa kini?

Jadi, saya merayu kepada pihak kerajaan untuk mempertimbangkan supaya jalan raya ini dapat diambil perhatian kerana ini sudah pun memakan masa yang lama, belum ada perhatian dari Kerajaan Barisan Nasional. Jadi, sudah sampai pada masanya, kawasan Beluran yang mempunyai dua Ahli Dewan Undangan Negeri dan semuanya adalah dalam Barisan Nasional, saya merayu dan yakin percaya kepada Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini masalah jalan raya dapat kita tunaikan penurapannya sekurang-kurangnya dalam Rancangan Malaysia Ke-7 ini.

Kedua, yang ingin saya tekankan seperti yang saya katakan tadi ialah dalam bidang pendidikan. Saya amat sedih kerana di kawasan saya tidak dapat saya sampaikan secara in detail dengan izin, mengenai statistik di mana sekolah tersebut telahpun terdaftar tetapi tiada bangunan sekolah itu sendiri. Ada juga sekolah-sekolah yang ada bangunan sekolahnya tetapi rumah gurunya tidak ada. Jadi, kedua-dua keadaan ini memaksa guru-guru kita yang dihantar masuk ke luar bandar ini sama ada menumpang di rumah Ketua-ketua Kampung ataupun Pengerusi JKK ataupun balai raya itu sendiri. Jadi, Wakil Rakyat terpaksa bertungkus-lumus mengeluarkan peruntukan khas membina balai raya ataupun rumah guru di tempat-tempat yang mempunyai masalah seperti tersebut.

Di kawasan saya, sepertimana yang sudah saya maklumkan kepada Menteri Pendidikan, kita hanya mempunyai 4 buah sekolah menengah sahaja, sedangkan kawasan Parlimen Beluran ini merupakan kawasan kedua terbesar di negeri Sabah dan sudah tentulah taburan penduduk itu berjauhan, jadi memerlukan lebih banyak sekolah menengah. Jadi, pada masa ini kita ada 4 buah dan saya sangat senang hati mendapat tahu bahawa satu Sekolah Menengah Ulu Dusun telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan tetapi nampaknya Sekolah Menengah Ulu Dusun tersebut telah dipindahkan kepada kawasan Tuan Yang di-Pertua sekarang ini, iaitu di Kinabatangan [Tepuk]. Jadi, saya berkeyakinan penuh mendapat jawapan daripada Timbalan Menteri bahawa mungkin kalau permohonan itu dapat dimajukan....

Tuan Michael Lisa Kaya: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Bukit Mas bangun.

Tuan Asmat Nungka: ... dan disusuli, mungkin juga sebuah sekolah menengah diteruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Asmat Nungka: Saya ingat masa begitu suntuk sekali, kalau boleh saya teruskan, minta maaf ya. Jadi, oleh sebab perkara ini amat penting, saya merayu kepada kerajaan supaya yang ada pada hari ini iaitu 4 buah sekolah menengah kesemuanya dapat dinaikkan tarafnya, kerana ada satu Sekolah Menengah Kerajaan Terusan Sugut dia hanya sampai di tingkatan tiga sahaja. Jadi kalau boleh kita minta kerajaan untuk mempertimbangkan supaya Sekolah Menengah Kerajaan Terusan Sugut ini dapat menampung sehingga tingkatan lima.

Begitu juga Sekolah Menengah Kerajaan Telupid, kalau dapat diadakan juga tingkatan enam. Jadi, inilah perkara-perkara mengenai pendidikan yang nampak perlu di kawasan saya.

Ketiga, saya juga ingin menyentuh tentang permasalahan kaum nelayan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa untuk perbincangan ini sudah cukup, boleh sambung esok?

Tuan Asmat Nungka: Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita akan belayar ke Ghana, esok. Jadi kalau boleh saya minta 5 minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Esok Yang Berhormat, saya beri Yang Berhormat 7 minit untuk menyambung.

Tuan Asmat Nungka: Untuk menggulung, okay. Saya ingin menyentuh kaum nelayan di daerah ini dan kalau boleh diberi perhatian, diberi peruntukan projek perumahan termiskin bagi kaum nelayan. Jadi, kesimpulan mengenai dengan Belanjawan 1997 ini, saya mohon menyokong. Sekian dan terima kasih. [Tepuk].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Untuk rekod, esok siapa yang hendak berucap? Dari Sarawak, Sri Aman ya, esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.